



17

DOA
SAIDATINA KHADIJAH



اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ
 السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ
 السَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, Engkaulah kesejahteraan, dari Engkaulah asas
 kesejahteraan dan kepadaMu pula kembali kesejahteraan. Maka
 hidupakanlah aku dengan kesejahteraan dan masukkanlah aku ke
 dalam syurga negeri kesejahteraan. Maha Mulia Engkau Ya Allah
 yang memiliki kemegahan dan kemuliaan.





KERAJAAN NEGERI KELANTAN MENGUCAPKAN

Selamat datang

Welcome

أهلا

Welkom

Mirë se vini

Dobro došli

Vítejte

Bienvenido

Bienvenue

Herzlich willkommen

Καλός ήλθατε

Fáilte

Välkommen

Bem vindo

добро пожаловать

Benvenuto

Hosgeldiniz

Hush kelibsiz

Hwan yung

ようこそ

ຍິນດີຕ້ອນຮັບ

خوش آمدید

AGAR DIRIMU SEMULIA KHADIJAH





ANJURAN:



SEMPENA:





Rakan Sinergi





Senarai Kandungan

Seuntai Amanat Menteri Besar Negeri Kelantan	7
Sekapur Sireh Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kelantan	9
Semanis Bicara Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita	11
Jawatankuasa Hari Sayyidatina Khadijah 2018	13
Latar Belakang	18
Objektif	20
Bicara Tema: “Agar Dirimu Semulia Khadijah”	21
Aturcara Hari Sayyidatina Khadijah 2018	26
Definisi Reka Bentuk Logo Hari Sayyidatina Khadijah 2018	28
Lagu Tema Hari Sayyidatina Khadijah	32
Justifikasi Tokoh	33
Tokoh Wanita Kelantan 2018	54
Ikon Wanita Kelantan 2018	70
Senarai Tokoh Yang Telah Dianugerahkan	85





Produk Edisi Istimewa Hari Sayyidatina Khadijah	94
Direktori	97
Galeri Foto – Inisiatif Infra dan Program Wanita Kelantan	106
Keratan Akhbar	112
Buku-buku Terbitan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita	115
Peta Negeri Kelantan	118
Info Media Sosial Hari Sayyidatina Khadijah	119
Sekalung Penghargaan	120
Autograf	121





YAB. USTAZ DATO' BENTARA KANAN

Menteri Besar Kelantan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Allah S.W.T Berfirman:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَشِيعِينَ وَالْخَشِيعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ۝ ٣٥

Maksudnya: "Sesungguhnya lelaki dan perempuan muslim, lelaki dan perempuan mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, lelaki dan perempuan yang benar, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang menjaga kehormatannya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar". (Al-Ahzab : 35)

Segala puji dan puja bagi Allah SWT yang merupakan pemilik segala sesuatu, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta seluruh penyambung risalah Islam yang suci ini.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Program Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2018 dapat dilangsungkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Program dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita atas penganjuran program yang sangat bermakna bagi kaum wanita ini.



Program ini yang bermula sejak tahun 1990 telah berjaya dijadikan sebagai acara tahunan sebagaimana yang dihasratkan dulu. Ini bagi menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan Negeri kepada kaum wanita Kelantan. Sesungguhnya, peranan kaum wanita adalah amat penting dalam menjayakan kerja dakwah Islam ke seluruh pelusuk dunia.

Program ini juga adalah tanda satu penghargaan yang tidak terhingga buat kaum wanita kerana sumbangan serta jasa mereka yang banyak membantu melahirkan modal insan yang berkualiti dan cemerlang. Modal insan ini bukan sahaja menyumbang kepada kecemerlangan agama dan syakhsiah diri, malahan juga banyak membantu dalam pembangunan negeri dan negara amnya.

Syabas dan tahniah sekali lagi kepada Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan dan Ahli Jawatankuasa serta semua pihak yang terlibat secara dan tidak langsung bagi menjayakan program kali ini. Mudah-mudahan segala usaha ini dicatat sebagai amalan soleh sisi Allah.

Sekian, Wassalam.

****RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT****
****MEMBANGUN BERSAMA ISLAM- KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN****
**** KEBERKATAN - KEMAKMURAN - KEBAJIKAN ****

Dengan hormatnya,

USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB,
S.J.M.K., D.J.M.K., (Kelantan)
(Dato' Bentara Kanan)
Menteri Besar Kelantan
25 Oktober 2018





YB PENERUSI

Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Allah S.W.T Berfirman:

وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنثَىٰ ٣٦

Maksudnya : ... dan memanglah tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan (Surah Al – Imran : Ayat 36)

Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassolatu Wassalamu ‘Ala Rasulihil Amin, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan izinNya, maka Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah bagi tahun 2018 dapat diteruskan sebagai lambang pengiktirafan di atas pencapaian dan sumbangan para wanita khususnya Negeri Kelantan ini

Ayat Al Quran di atas dengan nyata menunjukkan perbezaan ciptaan dan hakikat di antara lelaki dan wanita. Terkini hasil kajian saintifik menunjukkan terdapat 6,500 perbezaan DNA di antara lelaki dan wanita. Apa yang mengkagumkan, perbezaan inilah yang menjadikan lelaki dan wanita saling melengkapi di antara satu sama lain.

Perbezaan bentuk badan dari segi biologi, fungsi organ, tugas dan tanggungjawab di samping perbezaan pada sisi yang lain yang telah distrukturkan secara sistematik oleh Allah SWT membawa kepada perbezaan prosedur dan hukuman syariat mengikut gender. Inilah hakikat kesepadanan gender menurut Islam bukan tuntutan kesamarataan gender.

Wanita Kelantan telah mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan sehingga peringkat antarabangsa. Terlalu banyak kejayaan yang ditempa oleh wanita Kelantan dan sememangnya mereka semua layak diberi pengiktirafan dan anugerah.





Sekalung tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah tokoh dan ikon wanita negeri Kelantan yang terpilih kali ini. Semoga penganugerahan ini menjadi satu inspirasi dan motivasi kepada semua wanita di negeri ini. Saya juga merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua dif-dif jemputan yang hadir bagi memeriahkan majlis pada hari ini.

Bagi memberi nilai tambah dalam pembangunan syahsiah diri dan keluarga, Kerajaan Negeri merangka pelbagai perancangan program pembangunan jati diri wanita dengan mensasarkan golongan kanak-kanak perempuan, suri rumah, wanita muda, armalah, wanita bekerjaya serta usahawan wanita untuk sama-sama membangun dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kerohanian.

Sekalung ucapan tahniah kepada semua pihak dan seluruh warga kerja U-KeKWa serta ahli jawatankuasa yang telah berusaha dengan sedaya upaya dalam merealisasikan sambutan yang bersejarah ini.

Akhir kalam, diharap usaha ini dapat menaikkan lagi martabat wanita di Negeri Kelantan sebagai tongkat serandang dan seterusnya wanita solehah menuju gagasan sebagai warga yang memberi solusi kepada masyarakat dan ummah didalam pelbagai sisi. Sirru Ala Barakatillah.

Sekian, wassalam.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT”
“WANITA BERDIKARI MASYARAKAT BESTARI”
“KELANTAN CAKNA WANITA”

Dengan hormatnya,

HAJAH MUMTAZ MD. NAWI

S.J.M.K.

Exco

Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita

Negeri Kelantan

25 Oktober 2018





PENGARAH

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan
Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Rasulullah S.A.W bersabda:

...وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

*Maksud "...dan berwasiatlah tentang wanita secara baik"
(Direkodkan oleh Hr. Turmudzi (209-275H), al-Nasa'iy 215-303),
al-Bayhaqi (384-458H).[4])*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas anugerah rahmat dan nikmat-Nya, kita semua dapat mengecapi suasana aman damai. Selawat dan salam buat junjungan besar Rasulullah S.A.W. serta para syuhada' dan para pejuang agama Allah SWT.

Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah yang merupakan acara tahunan kembali lagi. Ia merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menghargai sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh para wanita khususnya wanita Kelantan sepanjang pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam. Bertemakan "Agar Dirimu Semulia Khadijah" bagi memperingati keperibadian Sayyidatina Khadijah Khuwailid R.A yang unggul.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Bin Yakob dan Yang Berhormat Hajah Mumtaz Md Nawi kerana terus memberi sokongan dan dokongan kepada program-program pembangunan wanita di negeri Kelantan.





Saya ingin mengambil peluang ini merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa program dan semua kakitangan U-KeKWa yang telah memberi komitmen dan swadaya yang tinggi bagi menjayakan sambutan HSK 2018 ini.

Sekalung penghargaan juga kepada semua penaja yang telah memberi sokongan sepanjang program berlangsung. Tidak lupa juga kepada semua sukarelawan yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Ucapan terima kasih juga kepada jemputan dan tetamu yang sudi hadir ke Sambutan HSK 2018 ini.

Akhir bicara, sekali lagi saya dan warga U-KeKWa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan sambutan pada hari ini. Besar harapan saya agar program ini mencapai matlamat yang telah digariskan dan memberi kesan positif kepada rakyat negeri Kelantan terutama para wanita yang merupakan nadi kekuatan kepada pembangunan jati diri negeri ini. Sebarang kekurangan dan kelemahan daripada pihak kami harap dimaafkan.

Jazakumullahu Kathiran

Sekian, wassalam.

“RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT”
“KELANTAN CAKNA WANITA”

Yang menjalankan taklif,

ILVIRA MOHD DASUKI

Pengarah


Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita Negeri
Kelantan (U-KeKWa)

25 Oktober 2018





**Jawatankuasa Induk
Hari Sayyidatina
Khadijah 2018**





YB Hajah Mumtaz Md Nawi
Pengerusi Jawatankuasa

YB Rohani Ibrahim
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa

Puan Ilvira Mohd Dasuki
Ketua Pengarah

Puan Mas Rozita Mohamad
Pengarah Operasi

Puan Nur Adyani Mohamed
Setiausaha

Puan Norhasidah Ismail
Penolong Setiausaha

Puan Siti Nurhajartum Akmal Mohammad
AJK Tertinggi

Puan Bazilah Kamaruldin
AJK Tertinggi

Puan Tuan Azura Raja Ismail
AJK Tertinggi

Puan Nik Safilah Daud
AJK Tertinggi





Jawatankuasa Kecil Protokol

Pn Ilvira Mohd Dasuki
Pn Mas Rozita Mohamad
Pn Siti Nurhajartum Akmal Mohammad
Pn Dzukaidah Ali Muhammad
Pn Hazami Muhammad
Pn. Rahimah Rani

PTMW

Pn Fauziah Yaacob
Pn Che Aminah Awang
Pn Haslini Hussain
Pn Sabariah Jamaluddin
Pn Siti Radiah Ya Hassan
Pn Osemiyah Sapain
Pn Nor Mainy Ab Manaf
Pn Norasyettah Mohd Zain
Pn Fadzilah Salleh
Pn Fatmasela Mustapa

PPAD

Pn Mariam Zakaria
Pn Zuraida Mohd Saufi
Pn Rosnormazita Mohamed
Pn Samsiah Chuyu Othman
Pn Jamimah Din
Pn Isumiyah Safiee
Pn Siti Mariam Che Hussin
Pn. Zila Loman
Pn Noormaziah Ismail

Jawatankuasa Kecil Penyambut Tetamu

Pn Bazilah Kamaruddin
Pn Tuan Azura Raja Ismail

Guru PPWK

Pn Ruwaida Ramli
Pn Siti Halizah Ibrahim
Pn Suriani Setapa
Pn Wan Hasanah Wan Deraman
Pn Nurulhuda Ab Hadi
Pn Zulawati Ibrahim
Pn Wan Esah Wan Hussin
Pn Dazmirawati Che Muda
Pn Siti Haliyah Mamat
Pn Nur Adila Che Kob
Pn Zaleha Mat Yusoff
Pn Wan Zaini Wan Mat
Pn Nor Azliza Abdul Wahab

Pn Nabilah' Adlina Mohd Razan
Pn Tuan Suzeaini Tuan Mat
Pn Norziyah Kassim
Pn Siti Norhasmat Zahari
Pn Suriati Ibrahim
Pn Zuraidah Mat Hasan
Pn Siti Nor Baizura Zakaria

Jawatankuasa Kecil Jemputan & Runner

Pn Nik Nur Asma Zulykha Nik Hassan
Pn Samiah Abdullah
Pn Nor Mazlina Hasan
Pn Wan Nazihah Wan Yusoff
En Mohd Razali Md Din
En Nurul Ikhwan Mohd Suhaimi
Pn Norshakila Mohd Adnan
Pn Wan Nur Diyana Wan Mahmood
Pn Siti Nur Haniesah Ramli
Pn Suziyanti Zaib
En Ahmad Asyraf Abd Kadir

Jawatankuasa Kecil Pengurus Pentas Atas

Pn Nur Syazwani Abdullah
Pn Rabiatul Adawiah Yusoff
Pn Nur Sabrina Shaari

Jawatankuasa Kecil Pengurus Pentas Bawah

Pn Norsham Shamsuddin
En Ahmad Mustapha Ab Azais
Pn Nur Aina Othman

Jawatankuasa Kecil Pengacara Mailis

Pn Nur Hafizah Mat Husain
Pn Nur Azah Abdul Rahman
Pn Nurbahirah Hazirah Sha'ari

Jawatankuasa Kecil Pendaftaran

Pn Nur Hidayah Zawawi
Pn Nik Nur Nabilah Nik Mahmood
Pn Nur Aisyah Mohamad Adnan
Pn Wan Nor Fatihah Wan Din
Pn Siti Nur Fatihah Abdull Aziz

Jawatankuasa Kecil Siaraya dan Multimedia

Pn Nik Safilah Mat Daud
Pn Farah Farhana Ab Malek
Pn Norazlina Mohd Nawi
Pn Nurul Syuhada Jamaluddin





Jawatankuasa Kecil Fotografi

En Muhammad Abdul Aziz Mohamed
En Mohamed Shukor Abdullah
Pn Shasliza Samsuddin
Pn Nurzalinaiza Indah Zakaria
Pn Nur Sachwani Kahar
RTV

Jawatankuasa Kecil Pereka Grafik

Pn Farah Farhana Ab Malek
Pn Norazlina Mohd Nawi

Jawatankuasa Kecil Pameran & Photobooth

Pn Badura Bakri
Pn Siti Farah Hamizah Hassan
Pn Noraisyatul Izzati Omer @ Omar

Jawatankuasa Kecil Persegaran VVIP

Pn Susilawati Hasan
Pn Shazwani Sanusi

Jawatankuasa Kecil Persegaran Umum

Pn Nur Aqilah Hasan
Pn Nurul Adilah Che Soh

Jawatankuasa Kecil Keselamatan & Lalulintas

En. Mohammad Abdul Aziz Mohamad Zin
Puan Norma Salleh

Jawatankuasa Kecil Sekretariat

Pn Aimi Munirah Ab Aziz

Pegawai Pengiring

Pn Nik Nurul Atikah Nik Mahmood
Pn Siti Amani Mohd Rahim
Pn Rabiatul Adawiah Mohd Safi
En Muhammad Aminuddin Bunyamin
Pn Siti Nurbaizura Sukri
Pn Nurulsa'adah Daud
Pn Siti Rohana Mohd Ali @ Ariffin
Pn Noor Hiluani Shafie
Pn Fadhilah Salleh
Pn Wan Nazihah Wan Mamat Ramli
Pn Nursabati Mohd Pauzi
Pn Pn Suhaila Ghazali
Pn Nik Nur Atikah Nik Abdullah
Pn Ainin Sofia Mokhtar
Pn Nur Syathirah Aziz
Pn Siti Nurbaizura Sukri
Pn Siti Noor Hanif Farhani Bt Mohd Salleh
Pn Shafiah Mustafa
Pn Auni Nasuha Pauzi
Pn Siti Hazuana Mhd Yusoff
Pn Nur Adyana Mohamed
Pn Noor Hidayah Ali
Pn Nor Amirah Mat Senu
Pn Norhusnai Sakila Mohd Salleh
Pn Siti Zahidah Ramli
Pn Norsaniah Omar

Jawatankuasa Kecil Pengangkutan & Logistik

En. Muhammad Hilmi P. Rameli
En. Muhammad Arif Mohd. Nor





Sukarelawan

Wan Nur Diyana Wan Mahmood
Suziyanti Zaiab
Siti Nur Haniesah Ramli
Nasrin Auni Mohd Nasir
Nur Najihah Abdul Samat
Nurnabilah Abdul Samat
Nur Haziqah Abdul Rahman
Nur Ainaa Mohd Zulfaqar Ali
Shafida Osman
Mahirah Mohd Rosli
Siti Aisyah Abu Nipah
Wan Nurnailah Wan Nordin
Nor Fazilawati Abd Rashid
Adibah Muhammad
Azliha Abdullah
Nor Fatin Najihah Abdullah
Nur Izzati Nasuha Mohd Fauzi
Fatin Maryam Mohd Fiza
Nur Aliaa Amiruddin
Nurul Fadhilah Mohd Jusof
Anis Nabila Zakuan
Nurul Saadah Ahmad Suhim
Nik Noor Syamimi Ismail
Nur Atiqah Zulkifli
Nur Adriana Bahiyah Azhan
Wan Norhazwani Wan Embong
Zalina Hassim
Siti Zur'ain Mohd Hadi
Nor Amira Hamadi
Asniza Hamadi
Rosmawati Mohd Zain
Najeedah Mohd Nageeb
Nur Hafizah Ismail
Aisyah Atikah Radzali
Aisyah Adibah Radzali
Adnin Amalina
Adilah Muhammad
Nursuhailah Hassan

Wan Ahmad Asyraf Wan Mahmood
Muhammad Hatman Mohd Hattai
Wan Mohamad Rafiudin Wan Abdul
Mohamad Iswadi Daud
Muhammad Alif Aidil Amar Ramli
Abdul Rashid Che Awang
Mohamad Saiful Ammar Sidi Ahmad
Ali Hanifa Mohamad Zawawi
Muhammad Izaris Ismail
Mohamad Asyraf Mohamad Asri





Latar Belakang

Hari Sayyidatina Khadijah

Islam telah mengangkat martabat serta darjat para wanita dan mengiktiraf peranannya selari dengan dasar Membangun Bersama Islam. Sejarah telah merekodkan bahawa Sayyidatina Khadijah, isteri Rasulullah S.A.W adalah antara individu yang penting dalam mendokong kerja dakwah Rasulullah S.A.W, malahan sanggup mengorbankan diri dan harta bagi memastikan Islam dapat disebar ke serata alam. Surah An-Nisa', surah yang ketiga dalam al-Quran membawa mesej bahawa Islam mengangkat darjat seorang wanita.

Peranan wanita sebagai ibu, pendidik dan penggerak masyarakat amat penting dalam membawa perubahan kepada pembangunan masyarakat dan tamadun sesebuah negara. Sumbangan aktif kaum wanita terhadap pembangunan negeri dan negara perlu disedari dan dihargai oleh masyarakat.

Semenjak tahun 1990, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan pelbagai program dan penganugerahan kepada wanita Kelantan dengan penganjuran program seperti Hari Wanita Kelantan, Hari Ibu Mithali, Hari Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan, Hari Suri Mithali, Hari Ibubapa, Sambutan Hari Jururawat, Sambutan Hari Guru dan pelbagai sambutan bagi menghargai sumbangan mereka terhadap keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

Bermula pada tahun 2015, nama Hari Wanita Kelantan telah ditukarkan kepada nama Hari Sayyidatina Khadijah. Sebelum ini, Hari Sayyidatina Khadijah telah disambut setiap tahun di peringkat 45 Dewan Undangan Negeri (DUN) dan di peringkat Negeri.

Program Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah atau ringkasnya HSK ini adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menghargai





sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh wanita khususnya wanita Kelantan sepanjang 23 tahun pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam dibawah kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, kemudian disambung di bawah pentadbiran YAB Dato' Ustaz Ahmad Yakob bermula pada tahun 2013 dengan tema Merakyatkan Membangun Bersama Islam sehingga sekarang.

Pada tahun ini bersempena sambutan 28 tahun Merakyat Membangun Bersama Islam, sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2018 telah diraikan bersama tokoh-tokoh dan ikon yang menjadi ikutan semasa dan banyak memberi sumbangan di peringkat negeri, negara dan antarabangsa.

Kemuncak acara yang berlangsung pada tahun ini akan diadakan penganugerahan Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid, Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah, Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar, Tokoh Siti Aminah Wahab, Tokoh Al-Khansa Amru, Tokoh Khaulah Al-Azwar dan Tokoh Zinnirah Ar-Rumiyah. Lapan anugerah Ikon akan turut diberi iaitu Ikon Pendidikan, Ikon Khas (Berani Kerana Benar), Ikon Usahawan, Ikon Cakna Kebajikan, Ikon Dakwah, Ikon Masyarakat, Ikon Seni dan Ikon Sukan.





Objektif

1. Meraikan dan mengiktiraf peranan dan jasa bakti wanita dalam pembangunan negeri dan menjadikan program ini sebagai platform untuk mempromosikan pencapaian wanita Kelantan.
2. Mengangkat dan meletakkan nama Sayidatina Khadijah dan personaliti Sayyidatina Khadijah sebagai ikon semua wanita dalam semua aspek kehidupan peribadi, keusahawanan, keluarga, politik dan masyarakat.
3. Menyediakan satu wadah kepada wanita untuk beramah mesra di samping bertukar bertukar pandangan dan berkongsi pendapat dalam urusan berkaitan wanita secara lebih kondusif.





“Agar Dirimu
Semulia Khadijah”

Mulianya Sayyidatina Khadijah R.A. Siapa yang tidak mengenali Sayyidatina Khadijah, wanita unggul yang setia di samping Rasulullah S.A.W.. Beliaulah isteri, teman, ibu dan pejuang yang harus dicontohi oleh generasi hari ini. Adakah kita mampu menjadi insan semulia Sayyidatina Khadijah? Menyelusuri perjalanan hidup Sayyidatina Khadijah, menjadi satu kewajipan kepada muslimat hari ini yang diselubungi oleh perang pemikiran, keruntuhan akhlak dan berlakunya tradisi-tradisi yang mengandungi unsur-unsur kekufuran dan amalan jahiliyah dalam kehidupan harian.

Peranan Sayyidatina Khadijah sebagai isteri, teman, ibu dan pejuang tidak boleh dinafikan oleh sesiapaupun hatta oleh orientalis barat sekalipun yang sentiasa cuba memaparkan unsur-unsur negatif dalam kehidupan Sayyidatina Khadijah bersama Rasulullah S.A.W.. Hebat dan mulianya Sayyidatina Khadijah hinggakan Jibrail as datang menemui Rasulullah yang ketika itu Sayyidatina Khadijah berada di sisi baginda. Jibrail berkata kepada Sayyidatina Khadijah, “Allah mengucapkan salam kedamaian kepadamu wahai Khadijah,” Maka Sayyidatina Khadijah menjawab, “Sesungguhnya Allah adalah kedamaian. Semoga kedamaian, rahmat dan berkatnya tercurah ke atas Jibrail serta ke atasmu.” Mulianya Sayyidatina Khadijah hingga Allah berkirim salam padanya. Kita mungkin tidak sehebat Sayyidatina Khadijah, namun biarlah kehidupan kita para muslimat hari ini mencontohi akhlak dan peribadi yang dimiliki oleh Sayyidatina Khadijah.

Adakah muslimat pada hari ini telah memenuhi tuntutan sebagai seorang isteri yang solehah kepada suami? Ketika seorang suami berada dalam kesulitan, isterilah yang seharusnya bisa membantunya, ketika seorang suami mengalami kegelisahan, isterilah yang sepatutnya menenangkannya dan ketika seorang suami mengalami kebuntuan, isterilah yang seharusnya meniupkan semangat dalam dirinya. Sesungguhnya tiada tempat yang paling bahagia buat seorang suami melainkan di sisi isteri yang dicintainya. Para muslimat hari ini perlu menyingkap tabir se-




-jarah, bagaimana Sayyidatina Khadijah R.A mendampingi Rasulullah di awal kenabiannya.

Sayyidatina Khadijah ialah wanita pilihan Allah yang layak untuk dijadikan isteri kepada Muhammad bin Abdullah yang diangkat menjadi Nabi dan Rasul akhir zaman. Sebagai isteri, Sayyidatina Khadijah tidak pernah mengabaikan segala keperluan Nabi dan sentiasa menjadi penenang kepada Nabi di kala Nabi dalam ketakutan disaat menerima wahyu daripada Jibrail di Gua Hira', menjadi penghibur di kala Nabi dilanda kesedihan akibat ditolak oleh kaumnya sendiri dan menjadi penyelamat di saat Nabi dalam kesempatan yang memerlukan pengorbanan segala harta benda.

Di saat Rasulullah merasa ketakutan ketika menerima wahyu daripada Jibrail as di Gua Hira', dan merasa kesulitan, lantas apa yang diucapkan Sayyidatina Khadijah kepada baginda, "Janganlah begitu, bergembiralah! Demi Allah, Allah tidak akan mengkhianatimu, selama-lamanya. Demi Allah! Sesungguhnya, engkau telah menyambung tali silaturrahim, berkata benar, memikul beban orang lain, suka mengusahakan sesuatu yang tidak ada, meraikan tetamu dan sentiasa membela kebenaran," lembut tutur katanya namun cukup membina yang menjadikan perasaan dan jiwa Rasulullah S.A.W. tenang kembali. (HR. Muttafaq 'alaih).

Seorang isteri hendaklah menjaga amanah suaminya, menjaga maruah dan kehormatannya di kala ketiadaan suami, menjaga rumahtangga dan harta serta mendidik anak-anak agar tidak tergelicir dari landasan Islam. Isteri yang solehah tidak harus meragui suaminya dan meletakkan kepercayaan terhadap suami yang tidak berbelah bahagi. Sebagaimana Sayyidatina Khadijah yang meletakkan kepercayaan yang sepenuhnya terhadap apa yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. dan tanpa ragu-ragu menerimanya yang menjadikan beliau sebagai wanita pertama memeluk Islam. Keputusannya memeluk Islam bukan disebabkan ikut-ikutan atau kepura-puraan untuk sekadar menarik hati Muhammad S.A.W., melainkan kerana benar-benar terkesan dan yakin untuk menerimanya. Demikianlah seharusnya bagi seorang wanita muslimah di dalam keluarganya. Tidak ada yang diinginkan bagi seorang suami melainkan seorang isteri yang dapat menerimanya seadanya, percaya dan yakin kepadanya serta sela-





-lu membantunya ketika sulitnya.

Sayyidatina Khadijah ialah ibu mithali yang wajar dicontohi oleh setiap wanita yang bergelar ibu pada hari ini. Bagaimana Sayyidatina Khadijah mendidik anak-anaknya hingga menjadi anak-anak dan ibu yang solehah, harus diikuti. Hasil didikan Sayyidatina Khadijah, anakandanya Fatimah diberi pengiktirafan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad sebagai sebaik-baik wanita di dunia ini selain Maryam binti 'Imran, Asiyah puteri Muzahim (isteri Firaun), dan Khadijah binti Khuwailid.

Sebagai seorang ibu, muslimat hari ini sewajarnya mendidik anak-anak dengan ajaran Islam yang sebenarnya. Ibu-ibu moden pada hari ini berdepan dengan cabaran yang sangat hebat dalam mendidik anak-anak generasi Y dan Z yang terdedah dengan dunia tanpa sempadan. Pengaruh internet dan telefon pintar amat sukar dibendung dan mampu menenggelamkan generasi muda ke dunia alam maya yang mengkhayalkan. Hanya Islamlah yang mampu menyelamatkan generasi muda hari ini dari terus dibuai oleh keseronokan yang tiada penghujung ini. Bagaimana penyelesaiannya? Kembali kepada cara didikan yang berteraskan Islam adalah jalan penyelesaian terbaik kepada masalah remaja hari ini. Di sinilah ibu memainkan peranan penting untuk mendidik anak-anak sedari kecil dengan ajaran Islam yang syumul.

Sayyidatina Khadijah adalah pejuang Islam yang turut sama berjuang bersama Rasulullah S.A.W. dalam menegakkan syiar Islam di bumi Arab. Sayyidatina Khadijah tidak pernah berkira dalam mengorbankan segala harta bendanya demi Islam dan membantu perjuangan suaminya Nabi Muhammad S.A.W.. Bagaimana dengan kita? Adakah kita merelakan diri kita untuk berjuang demi agama Allah ini? Atau kita masih berbolak dalik dengan pelbagai alasan untuk turut sama berjuang?

Mulianya Sayyidatina Khadijah sehingga beliau sanggup menginfakkan dirinya sendiri untuk perjuangan Islam. Di saat Sayyidatina Khadijah tenat kerana menderitanya akibat pemulauan puak kafir Quraisy terhadap Bani Hasyim, Sayyidatina Khadijah sempat berbicara kepada Rasulullah S.A.W.: "Seandainya kesakitanku ini membawa kematianku dan orang Quraisy akan terus menyakitimu, dan tidak ada benda lagi yang




boleh aku berikan kepadamu, pada saat itu Ya Rasulullah, sekiranya kau rasakan perlu, kau cungkillah tulang rusukku ini, kau ambillah ia dan kau jadikan ia pedang untuk mempertahankan dirimu dan agama ini Ya Rasulullah.”

Bagaimana dengan kita? Adakah kita telah bersedia untuk berkorban masa, tenaga dan wang ringgit demi perjuangan yang kita dokong selama ini? Jadilah semulia Sayyidatina Khadijah yang mendedikasikan dan menyerahkan seluruh hartanya untuk Islam, gigih berjuang, melindungi nabi dengan penuh tanggungjawab, cinta dan kasih sayang. Masih terdapat banyak lompong yang perlu diisi oleh para muslimat hari ini dalam menegakkan perjuangan Islam baik di dalam maupun di luar negara. Ramai umat Islam hari ini yang dianiayai, ditindas dan dizalimi di seluruh dunia yang amat mengharapkan simpati dan bantuan dari kita semua. Di sinilah para muslimat boleh memainkan peranan mereka dengan menghulurkan bantuan dari segi wang ringgit dan juga doa yang berkekalan agar dapat meringankan bebanan mereka. Kalau Sayyidatina Khadijah R.A rela mengorbankan seluruh harta bendanya untuk perjuangan Islam, takkanlah kita hari ini tidak mampu menghulurkan walaupun sedikit bantuan untuk menyokong perjuangan umat Islam yang dianiayai dan ditindas. Takkanlah kita hanya mahu menjadi penonton kepada kekejaman pihak kuffar yang ingin menghancurkan umat Islam. Agama Islam yang ditegakkan oleh Rasulullah S.A.W., didokong oleh isteri tercinta Sayyidatina Khadijah RA dan para sahabat baginda, hendaklah kita pertahankan dengan seluruh jiwa dan raga.

Sayyidatina Khadijah telah lama pergi meninggalkan kita, namun kemuliaan yang dimilikinya biarlah menjadi inspirasi dan teladan buat para muslimat hari ini. Contohilah Sayyidatina Khadijah RA. Jadikanlah Sayyidatina Khadijah RA sebagai idola dalam menjalani kehidupan sebagai seorang isteri, teman, ibu dan pejuang dalam menjalankan syariat yang diwariskan oleh Rasulullah S.A.W.. Jika di belakang Rasulullah S.A.W. berdirinya Sayyidatina Khadijah RA sebagai pendokong dan penyokong kepada kejayaan Nabi, maka biarlah di sebalik kejayaan suami hari ini berdirinya kita sebagai pendamping, seorang isteri yang bersedia membantu walau dalam apa jua keadaan.






Kisah hidup para pejuang wanita Islam di zaman silam perlu ditonjolkan untuk tatapan generasi muda hari ini agar dapat diambil iktibar dan dijadikan ibrah dalam kehidupan. Remaja hari ini memuja dan mencontohi individu yang tidak layak untuk dijadikan teladan. Justeru menjadi tanggungjawab keluarga, masyarakat dan kerajaan untuk menonjolkan tokoh-tokoh wanita Islam yang telah berjaya mencorak dunia dan melakar sejarah agar lebih dikenali serta dicintai oleh generasi muda hari ini. Marilah sama-sama kita mendidik diri kita agar bisa menjadi sehebat dan semulia Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid RA. Sayyidatina Khadijah, sungguhpun dirimu telah lama pergi, perjuanganmu dan cinta kasihmu terus mekar menjadi tatapan generasi hari ini.

Sumbangan Artikel Oleh:
Awanis Mohd



Aturcara Majlis Hari Sayyidatina Khadijah 2018

Masa	Aktiviti
8.00 - 9.35 pagi	Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi Ucapan Aluan Pengacara Majlis Persembahan Nasyid
	Slot Sihat Aafiyat: Kerana Dirimu Begitu Berharga Oleh: YBhg. Profesor Madya Dr Nik Rosmawati Nik Husain Pakar Perubatan Kesihatan Awam USM
	Bicara Agar Dirimu Semulia Khadijah Sayyidatina Khadijah: Wanita Pencetus Kebangkitan
9.35 -	1. YB Senator Asmak Husain (Panel) Ahli Dewan Negara
11.45 pagi	2. Ustazah Hafizah Abdullah (Panel) Pengetua Maahad Pengajian Islam & Pengerusi Majlis Perundingan Wanita Parlimen Tumpat
	3. Noorkhiriah Ahmad Shapie (Panel) Pelakon
	4. Nabihah Basri (Moderator) Juara Akademi Pendakwah Muslimah





Aturcara Majlis Hari Sayyidatina Khadijah 2018

Masa	Aktiviti
11.45 pagi -	MAJLIS PERASMIAN HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2018 Ketibaan Tetamu Kehormat Disambut dengan Selawat Burdah Ucapan Pembukaan oleh Pengacara Majlis Bacaan Ayat-ayat Suci al-Quran Oleh adik Wan Sofea Aini Wan Zahidi
01.10 T/hari	Ucapan Perasmian Oleh: YB Hajah Mumtaz Md Nawi Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga, dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan Penyampaian Anugerah Khas Sayyidatina Khadijah 2018 "Jasamu Dikenang" Persembahan Nasyid Cabutan bertuah Bersurai dan Makan Tengah Hari





Definisi Reka Bentuk Logo Hari Sayyidatina Khadijah



Pendahuluan

Logo Hari Sayyidatina Khadijah telah dicipta sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016 anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK) yang kini dikenali sebagai Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa).



Logo HSK



Kerongsang HSK



Bunga Cempaka Hutan

Bentuk 'Bunga Cempaka'

- ❑ Bentuk 'bunga' melambangkan wanita dan sifat kewanitaan.
- ❑ Bunga Cempaka dalam konteks budaya muslimah Kelantan, bunga ini sentiasa diletakkan bersama telekung solat di dalam sejadah atau dipakai bersama sanggul di rambut bertujuan mendapatkan harumannya. Ia melambangkan kasih sayang dan kesucian.
- ❑ Bunga Cempaka berasal dari negara-negara tropika namun sudah diangkat menjadi bunga internasional disebabkan kelebihan harumannya. Keadaan ini bersignifikan dengan hasrat U-KeKWa mengangkat imej lebih ramai wanita Kelantan ke peringkat antarabangsa melalui dasar-dasar yang sudah digubal dan program-program yang telah dilaksanakan.





Tujuh kelopak bunga :

Melambangkan kepelbagaian, kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Wanita Kelantan merangkumi 7 bidang utama iaitu;

- I. Pengurusan rumahtangga.
- II. Pendidikan dan dakwah (Termasuk dalam kategori ini ialah para ibu yang memberi pendidikan informal di rumah, para pendidik di sekolah dan universiti, menjadi pakar akademik dalam pelbagai bidang. Contoh: Agama, sains, kesusasteraan, undang-undang sivil dan syariah, ekonomi dan lain-lain).
- III. Keusahawanan (menjana ekonomi keluarga dan negara).
- IV. Pertanian dan Penternakan.
- V. Politik (Termaktub dalam sejarah, wanita Kelantan terlibat dengan politik sejak berabad lamanya. Antara nama yang masyhur ialah Raja Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong).
- VI. Penulisan (dalam pelbagai genre).
- VII. Kesenian dan kebudayaan (termasuk di dalamnya berqasidah, tilawah bertarannum, kraftangan dan lain-lain).

7 Kelopak juga merupakan simbol kepada:

- ❑ 7 hari seminggu: Wanita Kelantan sangat menghargai hari-hari kurniaan Allah swt, lalu diterjemahkan dengan sifat memanfaatkannya dengan pengisian dan jadual yang seimbang antara diri, keluarga dan masyarakat.
- ❑ 7 petala langit dan 7 lapisan bumi: Sifat muslimah Kelantan yang banyak mengingati dan tafakkur pada kebesaran Allah SWT
- ❑ 7 syurga dan 7 neraka: Sifat banyak mengingati akhirat dan berwawasan akhirat. 'Ingat akhirat' mampu menjadi pemangkin seseorang berusaha yang terbaik untuk dunia dan akhiratnya.





Tulisan Jawi “Khadijah” berwarna Merah:

Melambangkan cinta wanita Kelantan dalam mendaulatkan Islam sebagai cara hidup kerana tulisan Jawi sangat akrab dengan khat al-Quran itu sendiri yang menjadi rujukan atau manual hidup utama umat Islam.

Warna merah yang melatari tulisan Jawi melambangkan keberanian wanita Kelantan dalam melaksanakan gagasan Membangun Bersama Islam yang sudah diterokai lebih 25 tahun.

Warna Putih yang melatari keseluruhan logo

Gabungan warna-warni pada 7 kelopak akhirnya menjadi putih seperti mana warna asal Bunga Cempaka

Putih melambangkan kekuatan spiritual. Sifat suci hati yakni ikhlas menjadi asas kepada semua perilaku positif. Juga melambangkan sifat rendah diri, anggun, berakhlak mulia dan sentiasa berusaha ke arah kesempurnaan diri yang menjadi objektif pihak penganjur dalam mendidik para wanita secara amnya merangkumi semua bangsa, bahasa dan agama rakyatnya.

Tulisan Rumi “Khadijah” berwarna Hitam

Menjelaskan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah yang mendaulatkan **Bahasa Malaysia** sebagai bahasa kebangsaan negara.

HSK diadakan bersempena Sambutan Hari Wanita dengan mengangkat tema sempena nama **Khadijah binti Khuwailid**, isteri pertama Rasulullah s.a.w yang menjadi insan dan wanita pertama beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w.

Sambutan ini selari dengan Sambutan Hari Wanita sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun peringkat antarabangsa bagi meraikan sumbangan dan pengorbanan wanita kepada agama, keluarga, masyarakat dan negara.





Warna **Hitam** yang melatari tulisan Rumi melambangkan kekuatan selari dengan sifat Hitam yang mengumpul semua kekuatan aura warna-warna lain. Kekuatan ini turut mewakili sifat yakin dan teguh muslimah Kelantan pada dasar dan prinsip Islam sebagaimana teguhnya iman Khadijah r.a di awal sinar Islam menerobos kegelapan jahiliyah kaumnya.

Kelopak-kelopak bunga pelbagai warna

Melambangkan wanita Kelantan yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang disebabkan ada faktor-faktor pendorong hasil sikap positif yang didefinisikan oleh 7 warna berikut;

Hijau	Melambangkan warna Islam sebagai agama rasmi negara yang didokongi oleh Negeri Kelantan. Warna kehidupan berasaskan ilmu dan fakta yang memberi maksud kebanyakan wanita Kelantan menyintai pelbagai ilmu pengetahuan terutama yang berkait agama Islam.
Kuning	Aura energetik, bersemangat tinggi, optimis dan kreatif.
Merah	Berwibawa, berani dan suka melakukan yang terbaik. Juga memberi maksud gigih dan tabah menghadapi cabaran.
Merah jambu	Bersifat penyayang dan memahami.
Ungu	Bijak, berinisiatif dan berdikari.
Biru	Cinta kedamaian, tenang dan jujur.
Hitam	Memberi maksud hijab dan memelihara maruah. Hitam pada kelopak bunga mewakili wanita Kelantan yang tampil elegan, menarik dan rapi dalam lingkungan syar'ie.

Penafian:

Logo dan warna logo merupakan rekaan dan pilihan pihak penganjur iaitu Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) yang cuba memberi gambaran ciri dan wanita Kelantan sedia ada (Sebahagiannya sudah dibuktikan oleh tokoh-tokoh muslimah Kelantan dalam pelbagai bidang sejak generasi terdahulu hingga sekarang). Juga sebagai gagasan jauh ke hadapan untuk dipenuhi aspirasi positif tersebut oleh generasi ummah yang lebih baik di masa-masa akan datang, dengan izin Allah SWT jua. Ia sekali-kali tidak bermaksud memberi gambaran yang tidak realistik tentang wanita Kelantan secara umum kerana pihak U-KeKWa sedar di sana masih banyak ruang dan medan yang perlu diperbaiki dalam melaksanakan dasar-dasar yang baik untuk membangunkan wanita Kelantan ke arah yang diredai Allah swt.





Lagu Tema Hari Sayyidatina Khadijah

KHADIJAH AT-TAHIRAH

Menyingskap kembali sirah risalah
Mewangi semangat srikandi Ummah
Mu'minah Pertama Saiyyidatina Khadijah
Qudwah keteguhan wanita solehah

Dia At Tahirah Hadiah Allah
Dari rahimnya zuriat mulia
Hidupnya disanjung perginya dikenang
Wanita terbaik Sayyidatina Khadijah

Harta jiwa raga bukti kesungguhan
Tak luntur semangat demi kebenaran
Sebagai isteri peneguh suami
Sebagai ibu pendidik generasi
Hartawan Dermawan
Srikandi Terbilang

Sayyidatina Khadijah, Mother of believers
Teacher of loyalty, a symbol of honesty,
Khadijah At-Tahirah, the first of believers,
Her noble sacrifice, has marked the history

خديجة الطاهرة همته عالية
أميرة الجنة سيرتها عالية
سيدة النساء معلمة الوفاء
فلتستمر فلتحيا قصتها المعطرة

Semangat Khadijah terus membara
Semangat Khadijah membakar jiwa
Fitrah kelembutan bukan kelemahan
Kesantunan budi itu kecantikan
Ayuhlah muslimah,
Teladani Khadijah,
Agar dirimu semulia Khadijah

Kemuliaan Khadijah Mari kita suburkan!
Kecekalan Khadijah Ayuh Semarakkan!
Tiada noktah dalam perjuangan
Tiada sempadan mulia pengorbanan





**Justifikasi
Tokoh Wanita
2018**



Sebanyak tujuh (7) kategori Anugerah Tokoh Wanita Kelantan 2018 akan dianugerahkan kepada tujuh (7) orang wanita terpilih dari seluruh pelosok negeri.

Setiap kategori yang dimaksudkan itu disandarkan kepada tokoh-tokoh wanita dan serikandi Islam yang masyhur dengan sumbangan masing-masing seperti yang disebutkan dalam lipatan sejarah silam. Kategori yang dimaksudkan itu adalah:

تَوَكَّلْ عَلَىٰ سَيِّدَتِنَا خَدِجَةَ بِنْتِ خُوَيْلِدٍ (أَوْ سَمَاءَ أُنْ))


TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID (USAHAWAN)

Sayyidatina Khadijah r.a. adalah puteri Khuwailid bin As'ad bin Abdul Uzza bin Qusai bin Kilab al-Qurasyiyah al-Asadiyah. Beliau merupakan seorang isteri, sahabat, dan kekasih yang penyayang kepada baginda Rasulullah S.A.W. Namun, di sebalik sifat tersebut, beliau merupakan seorang ahli perniagaan wanita yang amat dikenali sekitar tahun 585 Masihi mewarisi perniagaan peninggalan bapa dan suaminya.

Dalam situasi masyarakat Arab pada zaman itu yang memandang rendah terhadap kemampuan kaum hawa, Sayyidatina Khadijah r.a. telah dapat berdiri seiring dengan mereka. Kehebatannya dalam bidang perniagaan merupakan sesuatu yang amat mengagumkan pada ketika itu. Sayyidatina Khadijah r.a. menggunakan lima strategi perniagaan:

1. Menggunakan konsep 'empowerment'
2. Memanfaatkan konsep mudharabah
3. Kesenambungan perniagaan dan rancangan pewarisan
4. Dapat menjangka masalah dalam perniagaan
5. Kecekapan menguruskan masalah agensi.





PERTAMA: Sayyidatina Khadijah r.a. telah menggunakan konsep '**empowerment**' dalam perniagaannya. Konsep ini amat bertentangan dengan konsep berniaga secara kuku besi atau au- tokrasi. Ini kerana, beliau membenarkan para pekerjanya untuk berfikir, bertindak dan mengambil keputusan dengan bebas. Dengan sikap sedemikian, ia memberikan satu sumbangan yang positif dalam pengukuhan dan kemantapan sesebuah organisasi untuk berkembang.


Dalam konteks perniagaan, Sayyidatina Khadijah r.a. telah memberikan kuasa sehingga ke tahap yang tertentu kepada para pekerja dan „mudarib-nya“ iaitu (rakan kongsi yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan) untuk menjalankan bisnesnya. Ini terbukti, apabila rombongan pekerja dan mudarib-nya berniaga, tanpa beliau turut menyertai mereka.

KEDUA: Konsep **mudharabah** ini adalah sangat bermanfaat kepada ekonomi sesebuah negara kerana ia menggalakkan sifat keusahawanan, mengurangkan kebergan- tungan terhadap subsidi, dan menambahkan peluang pekerjaan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan.

Dalam konsep mudharabah, perniagaan dikendalikan oleh mudarib dan para pekerja yang diberi kuasa untuk melanjutkan 'empowerment'. Namun begitu, pemantauan yang berterusan tetap perlu dijalankan. Bagi Rasulullah S.A.W, selain mendapat faedah kewangan, baginda turut mendapat faedah di atas kontrak mudharabah dari segi strategi dan operasi perniagaan yang dijalankan oleh Sayyidatina Khadijah r.a.

KETIGA: Intipati kejayaan Sayyidatina Khadijah r.a. seterusnya adalah kesinambungan perniagaan dan rancangan pewarisan atau 'succession planning'.

Ia memberikan peranan penting dalam meneruskan perniagaan. 'Succession planning' adalah satu proses dalam mempersiapkan orang lain sebagai pengganti kepada individu tertentu untuk sesebuah institusi. Institusi yang dimaksudkan di





sini adalah perniagaan Sayyidatina Khadijah r.a. Gangguan terhadap perniagaan selepas bersara atau meninggal dunia dapat dicegah sekiranya, 'succession planning' dijalankan. Jodoh Sayyidatina Khadijah r.a. dengan Rasulullah S.A.W sangat sepadan kerana sifat keusahawanan dan amanah baginda yang mulia menjadikan Nabi Muhammad S.A.W sebagai tonggak yang akan menggantikannya dalam urusan perniagaan kelak.

Jika kita menganalisis perniagaan Sayyidatina Khadijah r.a. dapat dilihat secara jelas bahawa ia berada difasa perluasan. Sebelum perniagaannya memasuki fasa kemerosotan, beliau telah berikhtiar dan memanfaatkan pelapis dan penerus yang sesuai dan berkelayakan bagi memastikan jangka hayat perniagaannya panjang

KEEMPAT: Intipati kejayaan yang seterusnya adalah beliau dapat menjangka segala permasalahan dalam perniagaan. Antara masalah yang dapat dijangka oleh Sayyidatina Khadijah r.a. adalah:

1. Saiz pasaran tempatan yang kecil.
2. Kurangnya perbezaan sehingga menyebabkan perniagaan lambat berkembang atau gagal.
3. Strategi perniagaan yang lemah hingga menyebabkan perniagaan tidak produktif.
4. Tiada pasukan pengurusan yang efektif.
5. Pelan perniagaan yang tidak berkesan.
6. Matlamat perniagaan yang kabur atau tidak jelas.

Bagaimana Sayyidatina Khadijah r.a. menyelesaikan masalah itu?" Bagi masalah yang pertama, beliau telah meneroka pasaran luar seperti Syria dan Yaman dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada perniagaan di Mekah sahaja.

Seterusnya, Sayyidatina Khadijah r.a. telah memilih Nabi Muhammad S.A.W sebagai rakan kongsi kerana beliau dapat melihat kebijaksanaan baginda dalam menguruskan perniagaan





Bagi masalah ketiga, beliau telah menyelesaikannya dengan menawarkan keuntungan yang tinggi kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai pelaburan yang akan mendatangkan keuntungan berlipat ganda. Ini menunjukkan kebijaksanaan Sayyidatina Khadijah r.a. dalam pengurusan kewangannya.

Bagi masalah yang keempat pula, Sayyidatina Khadijah r.a. mengurangkan risiko ini dengan menghantar pembantunya, Maisarah bagi membantu Nabi Muhammad S.A.W sekaligus membantu memantau perniagaannya. Bagi mengatasi masalah serta pelan perniagaan yang tidak berkesan, beliau telah berjaya mengurangkan masalah agensi secara langsung dan tidak langsung. Bagi penyelesaian kepada masalah yang terakhir, Sayyidatina Khadijah r.a. menggunakan konsep mudharabah yang memadankan insentif dan matlamat perniagaan.

KELIMA: Seterusnya, intipati yang terakhir ada- lah, kecekapan Sayyidatina Khadijah r.a. dalam menguruskan masalah agensi.

Dalam perniagaan yang melibatkan pemodal dan pengurus perniagaan, wujud potensi untuk terbitnya masalah agensi. Bagi kontrak mudharabah, masalah akan timbul apabila usahawan tidak menjalankan tugasnya dengan baik mengikut cara yang melindungi hak-hak pihak yang terlibat.

Situasi yang dapat menggabungkan cara Sayyidatina Khadijah r.a. dalam mengurangkan masalah agensi adalah dari segi insentif. Dengan adanya kontrak mudharabah, Rasulullah S.A.W mempunyai insentif untuk menjana keuntungan sebanyak mungkin. Ini kerana, semakin banyak keuntungan, maka semakin banyak pendapatan yang diperoleh.

Seterusnya, mekanisme pembahagian keuntungan. Mekanisme ini wujud melalui konsep kontrak mudharabah. Yang seterusnya, pemantauan dilakukan oleh Sayyidatina Khadijah r.a. secara berterusan dengan bantuan pembantunya, Maisarah,





Maisarah turut membantu memberikan maklumat yang sahih kepada Sayyidatina Khadijah r.a.

Sebagai kesimpulan, Sayyidatina Khadijah r.a. bukan sahaja seorang wanita yang mempunyai perilaku yang baik, malah beliau juga merupakan tokoh usahawan yang disegani kerana bijak menguruskan perniagaannya di tengah-tengah masyarakat Arab yang kebanyakannya dimonopoli oleh kaum lelaki.

تَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَإِنَّكَ عِنْدَ اللَّهِ بِرَبِّكَ خَيْرٌ مِمَّا يَكْفُرُونَ (مَكِّيَّةٌ ١٥٦)

TOKOH SAYYIDATINA ZAINAB KHUZAIMAH (KEMASYARAKATAN)

Sebelum memeluk Islam, Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah sudah terkenal dengan sifat penyayang, pemurah dan budiman terhadap masyarakat sekeliling terutama kepada orang-orang miskin. Disebabkan sikap beliau inilah, beliau telah mendapat gelaran **Ummul Masakin** (ibu orang-orang miskin).

Ini telah dijelaskan dalam kitab Thobaqat Ibnu Saad bahawa Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah bin Haris bin Abdil- lah bin Amru bin Abdi Manaf bin Hilal bin Amir bin Shashaah al-Hilaliyah adalah Ummul Masakin. Gelaran tersebut disandang sejak zaman jahiliah lagi, walaupun pada waktu itu beliau belum mengetahui bahawa orang-orang yang baik, pen- yantun dan penderma akan memperoleh pahala di sisi Allah.

Berdasarkan asal-usul keturunannya, beliau termasuk keluarga yang dihormati dan disegani. Tarikh lahir beliau tidak diketahui dengan pasti, namun ada riwayat yang menyebutkan beliau lahir sebelum tahun ketiga belas kenabian. Beliau termasuk antara kelompok orang yang pertama memeluk agama Islam dari kalangan wanita.

Beberapa sejarawan berpendapat bahawa beliau menikahi Tufail bin Harits, tetapi jodoh tidak panjang dan kemudiannya menikah untuk kali kedua dengan Ubaidah bin Harith. Jodohnya juga tidak lama apabila suaminya syahid di perang Badar.





Ketika suami beliau gugur sebagai seorang syahid, Sayyidatina Zainab Khuzaimah r.a. sedang menjalankan tugasnya merawat tentera-tentera Islam yang tercedera dan terluka. Kematian suami beliau tidak menghalang beliau untuk terus berkhidmat dan melaksanakan tugas yang dipikul sehingga akhirnya Allah mentakdirkan kemenangan buat kaum Mukmin dalam pertempuran pertama melawan kaum Musyrikin. Walaupun berasa sangat sedih dengan kesyahidan suaminya, namun ianya segera terubat kerana dirawat oleh kemanisan iman, tawakkal dan keyakinan kepada Allah SWT. Jiwanya kuat dan hatinya teguh. Semangatnya tidak pudar.

Setelah habis „iddah, Sayyidatina Zainab Khuzaimah r.a. tidak sesekali menyangka akan dipinang oleh lelaki terbaik sepanjang zaman, Nabi Muhammad S.A.W.. Rasulallah menikahi Sayyidatina Zainab Khuzaimah r.a. kerana beliau ingin melindungi dan meringankan beban kehidupan yang dialaminya, di samping kerana kesabaran dan ketetapan hati serta kegigihan perjuangan beliau. Baginda membangunkan sebuah rumah kecil berhampiran rumah Sayyidatina Aisyah r.a. dan Sayyidatina Hafsa r.a.


Terdapat perbezaan pendapat tentang tempoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah r.a. memasuki rumah tangga Rasulallah, salah satu pendapat mengatakan tiga bulan dan pendapat yang kedua menyatakan lapan bulan. Beliau meninggal ketika Rasulallah masih hidup dan jasadnya di makamkan di perkuburan Baqi'.

تَوَكُّلُهُ سَيِّدَتِنَا عَائِشَةَ ابْنَ بَكْرٍ (قِيَادِي قُرْبًا)

TOKOH SAYYIDATINA AISYAH ABU BAKAR (PENDIDIKAN)

Kisah hidup Sayyidatina Aisyah r.a. telah membuktikan bahawa wanita mampu menguasai bidang keilmuan mengatasi kaum lelaki serta mampu menjadi pendidik kepada para ilmuwan dan pakar-pakar pelbagai bidang.





Kehidupan beliau juga menjadi bukti kemampuan wanita dalam mempengaruhi pandangan masyarakat, baik lelaki mahupun wanita, serta membekalkan sumber inspirasi dan kepimpinan yang mantap. Wanita yang kaya dengan pekerti tinggi, lemah lembut serta sopan santun ini juga, telah membawa kebahagiaan dan ketenangan hati yang tidak putus kepada suami beliau.


Lafaz ucapan beliau menjadi kajian dalam bidang sastera. Fatwa-fatwa syariah yang dikeluarkan oleh beliau telah dikaji di institusi perundangan. Khazanah pengetahuan yang dimiliki Sayyidatina Aisyah r.a. diperoleh sejak beliau masih seorang kanak-kanak lagi. Pada usia mudanya, Sayyidatina Aisyah r.a. dibesarkan oleh bapanya, seorang Muslim yang dihormati dan disegani ramai.

Sayyidatina Aisyah r.a. terkenal dengan paras rupanya yang menawan serta daya ingatan yang kuat diletakkan di bawah jagaan Rasulullah S.A.W. sendiri sejak beliau masih muda lagi. Sebagai isteri serta pendamping baginda Rasulullah S.A.W.

Sayyidatina Aisyah r.a. berpeluang menimba ilmu pengetahuan dari baginda sehingga ke tahap yang tidak mungkin ditandingi oleh wanita-wanita lain.

Sayyidatina Aisyah r.a. hidup selama hampir 50 tahun setelah kewafatan Rasulullah S.A.W. iaitu sepuluh tahun hidup sebagai isteri Rasulullah S.A.W. Sebahagian besar waktu itu diluangkan dengan mempelajari dua sumber ilmu yang penting iaitu al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W.

Di antara tiga orang daripada isteri-isteri Rasulullah S.A.W. yang menghafaz al-Quran, salah seorang daripadanya ialah Sayyidatina Aisyah r.a. (disamping Ummu Salamah dan Hafsa). Sebagaimana Hafsa, Sayyidatina Aisyah r.a. juga mempunyai salinan al-Quran yang ditulis setelah kewafatan Rasulullah S.A.W.



Sayyidatina Aisyah r.a. juga merupakan salah seorang daripada empat orang sahabat (termasuk Abu Hurairah, Abdullah Ibnu Umar dan Anas Ibnu Malik) yang meriwayat-kan lebih dua ribu hadith. Kebanyakan hadith-hadith ini berkaitan dengan amalan peribadi Rasulullah S.A.W. Antara aspek penting berkenaan hadith yang diriwayatkan, Sayyidatina Aisyah r.a. ialah hadith-hadith tersebut disampaikan dalam bentuk tulisan oleh anak saudara beliau, Urwah Ibnu Az-Zubair yang merupakan salah seorang ulama” terkenal di kalangan tabi’in.

Abu Musa Al-’Ashari pernah berkata: “Sekiranya kami di kalangan sahabat Rasulullah S.A.W menghadapi kemusyki- lan, maka akan kami bawa kepada Sayyidatina Aisyah r.a.”

Urwah Ibnu Az-Zubair menegaskan bahawa Sayyidatina Aisyah r.a bukan sahaja arif dalam bidang fiqh, bahkan juga dalam bidang perubatan dan syair. Ramai di kalangan sahabat baginda Rasulullah turut merujuk kepada beliau berkenaan masalah pewarisan harta yang memerlukan kemahiran tinggi dalam bidang matematik.

Para ulama menganggap Sayyidatina Aisyah r.a. sebagai salah seorang ahli fuqaha Islam terawal di samping Umar Ibnu al-Khattab, Ali dan Abdullah Ibnu Abbas.

Rasulullah S.A.W pernah mengiktiraf tentang dalamnya pengetahuan Sayyidatina Aisyah r.a dalam Islam; “Pelajarilah sebahagian daripada agamamu dari al-Humaira.” Al-Humaira’ atau ‘si merah’ adalah nama panggilan Rasulullah S.A.W kepada Sayyidatina Aisyah r.a.

Sayyidatina Aisyah r.a. bukan sahaja memiliki ketinggian ilmu pengetahuan, bahkan turut memainkan peranan penting dalam proses pendidikan dan pembentukan masyarakat ketika itu. Sebagai seorang guru, beliau memiliki lisan yang jelas dan menarik hati serta kelancaran tutur kata beliau digambarkan dengan begitu tinggi oleh al-Ahnaf:



“Aku pernah mendengar ucapan dari Abu Bakar dan Umar, dari Uthman dan Ali serta para khulafa’ hingga ke hari ini, tetapi belum pernah aku mendengar ucapan yang lebih indah dan lebih menarik hati dari mulut seorang pun melainkan Sayyidatina Aisyah r.a.”

Manusia dari segenap pelusuk tanah Arab telah pergi menemui Sayyidatina Aisyah r.a. untuk mempelajari ilmu yang dimilikinya. Dikatakan lebih ramai bilangan wanita daripada lelaki yang datang untuk menimba ilmu daripada beliau. Di samping menjelaskan kemusykilan orang ramai, beliau turut mengambil anak-anak kecil, ada di kalangan mereka yatim piatu, untuk dibesarkan dan dilatih di bawah bimbingan beliau sendiri. Di samping itu juga terdapat saudara -saudara beliau yang mendapat bimbingan yang sama. Dengan demikian, rumah Sayyidatina Aisyah r.a. dijadikan sekolah dan sebuah institusi pengajian.

Di antara pelajar wanita didikan Sayyidatina Aisyah r.a. ialah Umrah binti Abdur Rahman. Umrah dianggap oleh para ulama’ sebagai seorang perawi hadith yang thiqah (dipercayai) dan dikatakan bertindak sebagai setiausaha Sayyidatina Aisyah r.a dalam menerima dan menjawab surat-surat yang diterima beliau. Peranan Sayyidatina Aisyah r.a. dalam menggerakkan proses pendidikan terutamanya bagi kaum wanita seharusnya dijadikan contoh ikutan.

Selepas Khadijah al-Kubra (yang hebat) dan Fatimah Az-Zahra (yang menawan), Aisyah as-Siddiqah (yang membenarkan) dianggap sebagai wanita terbaik dalam Islam. Dari keteguhan peribadinya, beliau menjadi seorang pakar dalam setiap bidang pengetahuan, dalam masyarakat, politik bahkan peperangan. Sayyidatina Aisyah r.a. kembali kerahmatullah pada tahun ke 58 selepas Hijrah dan jasad beliau telah disemadikan di perkuburan Baqi’ di kalangan para sahabat.





Sayyidatina Aisyah r.a. kembali ke rahmatullah dalam bulan Ramadhan pada tahun kelima puluh lapan selepas Hijrah. Atas arahan beliau sendiri, jasadnya disemadikan di Jannat.

تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَأَنَا فِيهِ وَاعِدَةٌ (أُمِّ قَلْبَةٍ)

TOKOH SITI AMINAH ABDUL WAHAB (ARMALAH)

Bonda kepada Nabi Muhammad S.A.W yang diutus Allah sebagai rahmat seluruh alam. Cukuplah baginya kemuliaan dan kebanggaan yang tidak dapat dipertikai lagi. Allah Azza Wa Jalla telah memilih beliau sebagai ibu kepada seorang rasul yang mulia dan nabi yang terakhir. Seorang wanita berhati mulia, pemimpin para ibu. Seorang ibu yang telah dianugerahkan anak tunggal yang mulia pembawa risalah yang lurus dan kekal, rasul yang bijak, pembawa hidayah. Risalah yang dibawa putera tunggalnya sempurna, benar dan kekal sepanjang zaman. Ibu yang melahirkan Nabi Muhammad, S.A.W nabi junjungan kita bukan calang-calang orangnya.

Siti Aminah adalah wanita yang tabah mengharungi cabaran hidup biarpun kehilangan suami pada saat mengandung tiga bulan. Ketabahannya sebagai armalah yang muda belia, cantik rupawan terpuji dan beliau tegas setia tidak berkahwin lain demi membesarkan anak lelakinya selepas pemergian suaminya, Abdullah bin Abdul Mutalib . Beliau cekal dan memiliki kekuatan jiwa hebat kerana mampu mengawal kesedihan emosi walaupun kehilangan orang tersayang.

Beliau begitu mementingkan kesejahteraan anaknya Muhammad S.A.W dengan memberikan yang terbaik buatnya. Sebagai ibu, Siti Aminah begitu mementingkan cara kasih sayang dalam sejak dalam kandungan demi memastikan anaknya memiliki sahsiah yang terpuji. Tanggal 12 Rabiulawal tahun gajah, bersamaan 20 April 571 Masihi, lahirlah Nabi Muhammad S.A.W dengan penuh rahmat dan keberkatan daripada-Nya.

Beliau terpaksa berpisah dengan buah hatinya sejak bayi lagi demi mendapat penyusuan yang berkhasiat, suasana asuhan,





disamping kanak-kanak lelaki lain yang lasak serta pendidikan bahasa yang fasih di perkampungan Bani Saad.

Rasulullah S.A.W dikembalikan semula ke pangkuan Siti Aminah ketika umur baginda mencecah empat tahun. Meskipun yatim, baginda mendapat perhatian dan kasih sayang yang penuh dari bondanya yang penyayang.

Apabila Nabi Muhammad S.A.W berusia enam tahun, Siti Aminah membawa anaknya itu menziarahi keluarganya di Madinah dan pada masa yang sama peluang itu diambil bagi menziarahi makam suaminya. Beliau kemudiannya juga meninggal dunia tanpa sempat melihat anaknya membesar sepenuhnya. Benarlah ungkapan yang berbunyi kekuatan jiwa seorang anak lahir daripada kekuatan jiwa seorang ibu.

تَوْكُوَّةُ الْخَنْسَاءِ عَمْرُو (كِسْرَيْنِج)

TOKOH AL-KHANSA AMRU (KESENIAN)

Tumadhar binti 'Amr bin Syuraid bin 'Ushayyah As-Sulamiyah atau yang dikenal dengan Al Khansa (dari bahasa Arab yang bererti 'kijang') adalah seorang sahabat wanita yang mulia dan sangat terkenal sebagai penyair. Syair-syairnya ditujukan kepada orang-orang tercinta yang telah tiada, terutama kepada kedua orang saudara lelakinya, yaitu Muawiyah dan Sakhr yang telah meninggal dunia. Selain itu ia dikenal sebagai ibu para syuhada karena telah berjaya mendidik keempat puteranya menjadi syuhada di medan Perang Qadisiyah.

Khansa berkahwin dengan Rawahah bin Abdul Azis As-Sulami. Dari perkahwinan itu beliau mendapat empat orang anak laki-laki : Yazid, Mu'awiyah, 'Amr, dan 'Amrah, semuanya memeluk Islam. Al Khansa binti Umar bin Kharis bin Syarit masuk Islam sewaktu mendatangi Nabi Muhammad S.A.W. bersama dengan Bani Syulaim.





Semua pakar keilmuan telah bersepakat bahawa tak ada seorang wanita pun, baik sebelum Khansa' mahupun sesudahnya, yang dapat menandingi kehebatannya dalam bersyair. Beliau dinobatkan sebagai penyair paling mahir di Arab.

Setelah beliau masuk Islam, beliau pun berkata "Dulu aku menangi kehidupan, namun sekarang, aku menangis karena takut akan siksa neraka." Keempat-empat anaknya pernah diberi hadiah oleh Umar bin Khathab, masing-masing sebanyak 400 dirham. Keadaannya terus berubah setelah masuk Islam, ujian yang dialaminya menjadi kesabaran yang didasari iman dan dihiasi oleh takwa, hingga ia tidak lagi merasa sedih ketika kehilangan apa pun dari kenikmatan duniawi ini.

Ketika Mutsanna bin Haritsah asy-Syaibani berangkat ke Qadisiyah di masa Umar bin Khattab radhiyallahu'anhu, Al Khansa' turut berangkat bersama keempat puteranya untuk menyertai pasukan tersebut. Empat putera kandung Al-Khansa' bergabung dengan pasukan muslim yang ditugaskan menyerang Qadisiyah. Sehari sebelum perang, Al-Khansa' r.a. menyampaikan beberapa wasiat kepada putera-puteranya,

"Hai Putra-putraku, kalian semua memeluk Islam dengan suka rela dan berhijrah dengan senang hati. Demi Allah yang tidak ada Tuhan selain Dia, sesungguhnya kalian adalah keturunan dari satu ayah dan satu ibu. Aku tidak pernah merendahkan kehormatan dan merubah garis keturunan kalian. Ketahuilah, sesungguhnya kehidupan akhirat jauh lebih baik daripada kehidupan dunia yang fana.

Putra-putraku, sabarlah, tabahlah, bertahanlah, dan bertakwalah kepada Allah. Semoga kalian menjadi orang-orang yang beruntung. Jika kalian melihat gendang perang telah ditabuh dan apinya telah berkobar, maka terjunlah ke medan laga dan serbulah pusat kekuatan musuh, pasti kalian akan meraih kemenangan dan kemuliaan, di dalam kehidupan abadi dan kekal selama-lamanya".





Keesokan harinya, mereka terjun ke medan perang dengan gagah berani. Jika ada seorang di antara mereka yang semangatnya mulai surut, maka saudara-saudaranya langsung mengingatkannya dengan nasihat Ibunda mereka yang telah tua renta, dengan begitu semangatnya berkobar kembali dan menyerbu musuh seperti singa yang mengamuk. Serangan-serangannya seperti siap melumat musuh-musuh-Nya. Mereka tetap berjuang dengan penuh semangat, hingga satu persatu berguguran menjadi syuhada.

Ketika Al-Khansa' r.a. mendengar berita kematian empat puteranya dalam hari yang sama, ia menerima berita duka itu dengan penuh keimanan dan kesabaran.

“Alhamdulillah yang telah memberiku kemuliaan dengan kematian mereka. Aku berharap, Allah akan mengumpulkanku dengan mereka di tempat limpahan kasih sayang-Nya”, harap Al-Khansa.

Di masa jahiliyah, Al-Khansa' ra. memenuhi dunia dengan tangisan dan keluh kesah atas kematian saudara kandungannya, Shakhr. Setelah masuk Islam dengan luar biasa beliau sanggup merelakan empat putera kandungannya sendiri untuk meraih mati syahid dalam perang Qadisiyyah.

Al-Khansa' begitu tulus dan tabah dengan pengorbanan besarnya itu demi meraih anugerah menjadi penghuni syurga, kerana Rasulullah S.A.W. pernah bersabda,

“Siapa yang merelakan tiga orang putra kandungannya (meninggal dunia), maka dia akan masuk syurga. Seorang wanita bertanya, bagaimana jika hanya dua putra?, Rasulullah S.A.W. kemudian menjawab: ‘begitu juga dua putra’”. (Diriwayatkan oleh Nasa'i dan Ibnu Hibban dari Anas radhiyallahu'anhu dalam kitab Al-Albani Shahihul Jaami' no 5969).

Al-Khansa wafat pada permulaan pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan pada tahun ke-24 Hijriyah.





تَوَكُّلًا خَوْلَتَا الْاَزْوَارَ (سُوكَانَ)

TOKOH KHAULAH AL AZWAR (SUKAN)

Khaulah Al-Azwar merupakan seorang wanita yang hidup di zaman Sahabat RA. Khaulah memiliki kekuatan jiwa dan fizikal yang kuat. Susuk tubuhnya tinggi lampai dan tegap. Sejak kecil beliau sudah pandai bermain pedang dan tombak. Rasulullah S.A.W telah membenarkan Khaulah menyertai angkatan peperangan muslimin bersama-sama mujahidah yang lain.

Beliau adik kepada Dhirar Al-Azwar yang kehandalannya di medan perang sememangnya tidak asing bagi pencinta sirah Islam. Kemahiran dan teknik bertempur ini turut diwariskan kepada Khaulah oleh ayahnya Al-Azwar. Khaulah lantas menjadi seorang wanita yang mahir berpedang dan berkuda. Jika diteliti sirah mujahidah ini, beliau ialah pahlawan muslimat yang paling handal dalam sejarah Islam. Dalam perang Yarmuk, beliau menjadi salah seorang yang menonjol dan memimpin kaum wanita yang turut serta terlibat dalam peperangan. Bahkan, beliau turut mengalami kecederaan di kepala dalam peperangan yang sangat bersejarah itu.

Kisah kehandalannya bertempur yang paling masyhur adalah dalam satu operasi tentera Muslimin untuk menyelamatkan saudara lelakinya iaitu Dhirar yang telah ditawan tentera Rom sewaktu peperangan di sekitar Damascus. Khaulah telah turut serta dalam peperangan tersebut dengan berpakaian hitam, serban hijau dan menggunakan selendangnya sebagai topeng. Raafe bin Umaira, panglima skuad sebelum ketibaan Khalid mengungkapkan ketakjubannya tentang Khaulah yang ketika itu belum mengetahui bahawa beliau adalah Khaulah, "Beliau berlawan seperti Khalid, namun jelas beliau bukan Khalid".





Kagum terhadap keandalannya di medan perang yang menakjubkan tersebut, namun pasukan Muslimin masih belum dapat meneka siapa gerangan pejuang muda yang mempunyai sepasang mata yang tajam bercahaya di atas kudanya.

Keberanian Khaulah memberikan semangat baru bagi kelompok Raafe yang semuanya hampir kalah sebelum kedatangan pasukan Khalid bin al-Walid, semangat yang ditunjukkan Khaulah membuatkan mereka terus terlupa akan kepenatan yang ada dan terus menyerbu ke arah medan perang dengan semangat juang yang tinggi. Penunggang berani mati itu terus diikuti oleh pejuang yang lain lalu meneruskan pertempuran dengan tentera Romawi ketika seluruh pasukan kaum Muslimin menyerbu. Lalu, Khalid mendekati si penunggang kuda itu lalu berkata, "Wahai pejuang, tunjukkanlah wajahmu!" Sepasang mata hitam berkilat menatap Khalid sebelum kembali menyerang tentera Romawi.

Kemudian beberapa orang tentera Khalid berjumpa dan berkata kepadanya. "Wahai pejuang yang mulia, ketuamu telah memanggilmu dan engkau telah pergi darinya! Tunjukkan kepada kami wajahmu dan sebutkan namamu agar engkau dapat dihormat selayaknya." Si penunggang kuda kembali pergi seolah-olah dengan sengaja merahsiakan identitinya. Ketika si penunggang kuda itu kembali dari serangannya, dia terserempak dengan Khalid, yang menyuruhnya dengan tegas untuk berhenti. Dia menarik kudanya agar berhenti, Khalid bertanya: "Engkau telah berbuat banyak pekara yang mengagumkan. Siapakah kamu?"

Khalid hampir terjatuh dari kudanya ketika dia mendengarkan jawapan dari penunggang kuda yang bertopeng, kerana yang didengarnya adalah suara seorang gadis. "Wahai ketua, bukannya aku enggan menjawab pertanyaan kamu, tetapi aku berasa malu, berhadapan dengan seorang pemimpin yang agung, sedangkan aku hanyalah seorang gadis. Sesungguhnya tiada lain yang mendorongku untuk melakukan hal seperti itu melainkan hatiku tercabar dan sangat sedih".





Khalid kagum dengan Al-Azwar, yang menjadi ayah kepada pejuang yang berani, baik lelaki mahupun perempuan. "Kalau begitu bergabunglah bersama kami" ucap Khalid. Akhirnya, tentera Muslimin, bersama Khaulah berjaya membebaskan panglima Dhirar dalam satu operasi serangan berikutnya di Beit Lahiya, Gaza, Palestin.

Sewaktu menyertai perang Sahura, Khaulah dan beberapa orang wanita telah ditawan oleh musuh. Mereka telah dikurung dan dikawal rapi beberapa hari lamanya tanpa senjata untuk melepaskan diri. Nampaknya tidak ada cara lain yang paling berkesan melainkan membakar semangat sahabat-sahabatnya yang lain, agar dapat bertindak pantas sebelum musuh mengapa apa-apakan mereka. Khaulah sedar Allah sendiri memberi jaminan bahawa kekuatan jiwa boleh mengalahkan kekuatan senjata. Maka Khaulah pun berkata:

"Wahai sahabat-sahabatku yg sedang berjuang di jalan Allah, apakah saudari-saudari sanggup menjadi hamba kepada orang Rom yang dilaknati itu? Relakah saudari dihina dan dicaci maki oleh orang Rom durjana itu? Dimanakah letaknya harga diri saudari sebagai seorang pejuang yang rindu-kan syurga Allah. Dimanakah letaknya kehormatan saudari sebagai seorang Islam yang bertaqwa? Sesungguhnya mati itu adalah lebih baik bagi kita semua daripada menjadi hamba-hamba orang Rom".

Seorang daripada mereka menjawab, "Sesungguhnya apa yang engkau katakan itu adalah benar. Demi Allah, kami semua mempunyai harga diri. Pedang lebih berguna dalam keadaan begini. Kalau kita lalai umpama kambing yang tidak bertanduk (mempunyai senjata)". Masing-masing mengemukakan berbagai pendapat dan semuanya menunjukkan keinginan untuk mati syahid. Tidak seorangpun yang mahu menjadi hamba kepada orang Rom. Tetapi malangnya mereka tidak mempunyai senjata hatta sebilah pisau pun mereka tidak ada. Namun Khaulah tidak mati akal dan dia terus menjawab:





"Wahai wanita-wanita muslimin sekalian, tiang-tiang dan tali khemah ini sangat berguna bagi kita dan cukuplah ini saja senjata kita. Syahid lebih baik bagi kita dan inilah saja cara yang terbaik untuk kita melepaskan diri dari kehinaan ini, sebelum mereka dapat menyentuh kita atau menyentuh salah seorang dari kita. Mari kita bersumpah untuk bersatu dalam hal ini untuk menyerah diri kepada Allah. Sesungguhnya Allah akan menolong orang-orang yang menolongNYA". Masing-masing menjawab, "Demi Allah segala-segalanya katamu itu adalah benar. Kami tidak rela hidup dihina, syahid lebih baik bagi kami daripada hidup menanggung malu".

Tekad para tawanan ini sudah bulat. Setelah menetapkan harinya maka mereka pun melaksanakan keputusan yang dibuat. Sebelum itu mereka berdoa sungguh-sungguh pada Allah dan bertaubat dengan segala dosa yang lalu. Menangis dan merayu memohon agar dicampakan ke dalam hati mereka kekuatan jiwa dan semoga Allah memudahkan pekerjaan dan berharap semoga datanglah bantuan-bantuan ghaib untuk menolong mereka. Khaulah telah memimpin segala urusan dalam pekerjaan berat itu, dia menyandang tiang kayu untuk berjuang. Sebelum itu dia memberi taklimat kepada anak-anak buahnya:

"Wahai saudari, jangan sekali-kali gentar dan takut. Kita semua harus bersatu dalam perjuangan ini dan jangan ada yang terkecuali, patahkan tombak mereka, hancurkan pedang mereka, perbanyakkan bacaan takbir dan yang penting ialah saudari mesti kuatkan hati saudari semua. Insyaa Allah pertolongan Allah sudah dekat".

Begitulah keyakinan Khaulah, berkat keberaniannya mereka semua terselamat dari segala bentuk bencana itu. Setelah mengikat segala yang perlu, dia diikuti oleh Ifra binti Ghaffar, Ummi binti Utbah, Salamah binti Zari', Ran'ah binti Amalun, Salmah binti Hu'man dan seluruh wanita lainnya.





Khaulah mendahului memukul pengawal dengan tiang yang dibawanya lalu menamatkan riwayat tersebut. Wanita-wanita lain bila melihat itu, maka masing-masing bersedia menyerang pengawal-pengawal lain dan bertempurlah mereka dengan gagah berani.

Orang-orang Rom ketakutan kerana serangan yang datang secara tiba-tiba. Khaulah berjaya merampas sebuah tombak lalu digunakan untuk bertempur manakala tiang di tangan kanannya digunakan sebagai melindungi dirinya dari tusukan tombak dan tebasan pedang. Akhirnya Khaulah dan semua wanita berjaya menceraikan pasukan Rom dapat melepaskan diri dari orang kafir tersebut dan kembali kepada pasukan Islam dengan selamatnya.

تَوَكُّلًا زَيْنَبُ الرُّومِيَّةِ (أَوْرَشَاحُ كُورِيَّةِ أَوْ قَائِمِ)

TOKOH ZINNIRAH AR-RUMIYAH (ORANG KURANG UPAYA)

Zinnirah Ar-Rumiyah adalah seorang wanita berketurunan bangsa Rom. Beliau telah ditawan dan dijual di sebuah pasar di Mekah. Akhirnya, beliau telah dibeli oleh Umar Al-Khattab untuk dijadikan sebagai hamba. Dari segi fizikalnya, Zinnirah Ar-Rumiyah kelihatan lemah tetapi dari segi spiritualnya beliau mempunyai jiwa yang cukup kental dan tabah.

Pada peringkat awal keislaman beliau, Zinnirah Ar-Rumiyah melakukan suruhan-suruhan Islam secara sembunyi-sembunyi kerana takut diketahui oleh tuannya, Umar Al-Khattab yang terkenal dengan sifatnya yang tegas dan berani. Umar sebelum memeluk Islam amat memusuhi Rasulullah S.A.W dan kaum muslimin. Zinnirah Al-rumiyah bersolat, berzikir, membaca Al-Quran dan berdoa kepada Allah dengan penuh syahdu dan keinsafan. Semua ini dilakukan dengan penuh hati-hati.





Penderitaan ke atas Zinnirah bermula setelah Umar mengetahui keislamannya. Umar dapat menghidu perubahan yang telah berlaku ke atas hambanya itu. Setelah diselidiki, ternyata bahawa hambanya itu telah menerima ajaran tauhid yang dibawa oleh Muhammad S.A.W. Zinnirah menjadi mangsa awal kerana kebencian Umar terhadap Islam dan kaum muslimin. Umar menyeksa dan mendera Zinnirah Ar-Rumiyah dengan harapan Zinnirah Ar-Rumiyah akan kembali kepada agama asalnya dan meninggalkan Islam.

Pelbagai seksaan dikenakan terhadapnya. Pukulan, hentakan, sepak terajang, dijemur di tengah-tengah panas terik menjadi rutin biasa dalam kehidupan Zinnirah Ar-Rumiyah Semuanya dihadapi dengan penuh kesabaran disamping hati dan jiwanya bergantung penuh kepada pertolongan Allah.

Kemuncak penderaan terhadap Zinnirah Ar-Rumiyah ialah apabila kedua matanya dicucuk dengan besi panas yang mengakibatkannya hilang penglihatannya dan terpaksa mengharungi kehidupan dalam kegelapan. Namun begitu, hatinya penuh dengan cahaya keimanan. Iman menjadi penyuluh hidupnya dalam menghadapi kesengsaraan azab dari tuannya.

“Ini untukmu Ya Allah. Aku mengharungi kesengsaraan ini untuk mendapat kesenangan di akhirat kelak. Perjuangan ini sememangnya berat, selalu menderita dan sengsara kerana aku sedar untuk mendapat syurgaMu, aku terpaksa menagih ujian berat, sedangkan neraka itu dipagari oleh pelbagai kesenangan”. Inilah rintihan hati Zinnirah Ar-Rumiyah kepada Allah ketika bermunajat kepadaNya di setiap malam sebagai penawar jiwa diatas segala kesengsaraan yang dihadapi.

Zinnirah Ar-Rumiyah akhirnya dibeli oleh Abu Bakar As- Siddiq. Walaupun menerima pelbagai rupa seksaan daripada Umar tetapi beliau tidak mendendam tuannya itu.





Malah beliau berdoa kepada Allah memohon agar diberikan hidayah kepada Umar. Penderitaan Zinnirah Ar-Rumiyah tidak berakhir di sini, malah dia dicerca oleh kaum musyrikin Mekah. Mereka mengatakan Zinnirah Ar-Rumiyah buta kerana mendapat laknat daripada tuhan Latta dan Uzza.

Namun begitu, Zinnirah Ar-Rumiyah dengan penuh keberanian mempertahankan dirinya dengan mengatakan dirinya buta bukan kerana tuhan mereka, tetapi ia adalah perbuatan Umar dan Allah mengizinkannya berlaku. tetapi ia adalah perbuatan Umar dan Allah mengizinkannya berlaku.


Walaupun diuji dengan pelbagai ujian, keyakinannya kepada Allah tidak berubah. Allah memberi karamah kepadanya. Matanya yang buta itu dapat melihat kembali. Malah sinaran matanya itu lebih bercahaya.

Zinnirah Ar-Rumiyah, seorang wanita biasa, yang mungkin tidak dikenali, yang tidak punya harta atau ijazah tetapi mendapat pujian daripada Allah. Para malaikat mendoakan kesejahteraannya. Mata kasarnya buta tapi mata hatinya celik, disinari dengan cahaya keimanan serta keyakinan kepada Allah.





**Tokoh Wanita
Kelantan 2018**





TOKOH

SAYYIDATINA KHADIJAH
KHUWAILID
(USAHAWAN)
WAN ZAINAB
WAN IBRAHIM

Wan Zainab binti Wan Ibrahim telah dilahirkan pada 12 Januari 1971 dan merupakan anak yang ke-7 dari 8 orang adik-beradik. Dilahirkan dalam sebuah keluarga yang besar, beliau dan adik-beradik dibesarkan dalam suasana yang serba sederhana. Beliau menerima pendidikan awal di Sek. Keb. Othman Talib, Tendong, dan seterusnya ke Sek. Men. Keb. Tendong.

Setelah tamat peperiksaan SPM, beliau mencari peluang pekerjaan demi menampung kos kehidupan keluarga yang serba kekurangan. Wan Zainab memulakan langkah pertama dalam bidang perniagaan di Pasar Siti Khadijah. Setelah 2 tahun berniaga, beliau memulakan perniagaan sendiri berbekalkan sedikit duit simpanan kutu dan hasil berniaga.

Bertemu jodoh pada usia 21 tahun dengan Encik Mohd Adabi bin Husin, perkahwinan mereka dikurniakan seramai 7 orang cahaya mata. Walaupun sibuk dengan perniagaan yang semakin berkembang maju, tanggungjawab terhadap anak-anak tidak diabaikan. Beliau terpaksa membahagikan masa sebaiknya antara keluarga dan kerjaya. Beliau bernasib baik mendapat sokongan yang penuh dari suami dan keluarga tercinta. Anak sulung beliau adalah seorang doktor perubatan lepasan Universiti Sains Islam Malaysia manakala anak kedua beliau menyambung pelajaran dalam bidang muamalat dan perakaunan di universiti yang sama. Anak-anak beliau yang lain masih di bangku sekolah dan ada di antaranya yang sudah bergelar hafiz Al-Quran.

Perniagaan yang diusahakan wanita bersemangat Sayyidatina Khadijah ini semakin lama semakin berkembang maju sehinggalah beliau berjaya memiliki 3 buah kilang batik dengan lebih 60 orang tenaga kerja dan mampu mempunyai sebuah wisma yang amat



sinonim dengan rakyat Kelantan iaitu Wisma Nadia Batik. Walaupun sibuk sebagai seorang usahawan perusahaan batik, beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu kepada suami dan anak-anak. Beliau yang mempunyai minat mendalam dalam bidang masakan, adakalanya sanggup meluangkan masa memasak apa sahaja yang akan diminta oleh suami tercinta.

Di sebalik kejayaan beliau sebagai seorang usahawan, tidak ramai yang tahu bahawa beliau telah diuji dengan ujian yang sangat berat iaitu diuji dengan penyakit kanser. Sungguhpun begitu, beliau tidak pernah berputus asa malah ia menambahkan lagi kekuatan untuk terus bangkit. Bagi beliau, kehidupan mesti diteruskan dan dengan kesibukan aktiviti harian beliau dapat menghilangkan rasa rusing mengenai penyakit kanser yang dihidapinya. Malah beliau masih bercita-cita tinggi untuk meneruskan perniagaan beliau ke peringkat global.

Produk Nadia Batik yang dipelopori oleh Wan Zainab Wan Ibrahim bukan sahaja bermutu tinggi dan mendapat tempat di hati peminat termasuk golongan kerabat diraja, menteri dan VVIP, bahkan turut mendapat pengiktirafan dari segi mutu pengeluaran produk termasuklah mendapat tempat pertama bahagian corak batik lukis tangan pada tahun 2008 daripada pihak Kraftangan Malaysia dan beberapa anugerah lain.

Dalam menguruskan perniagaan yang semakin maju, hartawan muslimah ini tidak melupakan kerja-kerja kebajikan terutamanya untuk masyarakat setempat. Beliau adalah antara orang kuat yang menggerakkan aktiviti masjid dengan mengadakan kelas-kelas malam di Masjid As-Solihin, Kg. Dusun Raja selain mudah didekati dan memberi pertolongan kepada masyarakat yang memerlukan.

Semangat juang yang ditonjolkan tokoh usahawan ini dari susah sehingga menjadi usahawan berjaya sememangnya wajar dijadikan inspirasi dan contoh kepada semua.





TOKOH

**SAYYIDATINA
ZAINAB KHUZAIMAH
(KEMASYARAKATAN)**

**HAJAH WAN
UBAIDAH OMAR**

Hajah Wan Ubaidah binti Omar dilahirkan pada 28 Julai 1956 di Kampung Banggol, Kota Bharu, Kelantan. Bapanya, Omar Fauzee bin Hj. Othman, bekerja sebagai seorang anggota polis dan ibunya Wan Eshah Che Ali merupakan seorang surirumah. Sejak berusia 3 bulan, beliau dibesarkan sepenuhnya oleh ibu saudaranya, Wan Halimah Che Ali, seorang peniaga runcit dan guru Al-Quran.

Wan Ubaidah atau lebih mesra disapa sebagai Kak Ubai, telah bertemu jodoh dengan Wan Abdul Azim bin Wan Abdullah (Allahyarham) pada tahun 1982. Pada tahun 1973, Kak Ubai telah melanjutkan pelajaran ke Maktab Sultan Ismail dan seterusnya beliau telah menyambung pelajaran ke seberang laut iaitu di Southern Illinois University Edwardsville, USA dalam Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan pada tahun 1983.

Beliau pernah menabur khidmat sebagai Pegawai Kredit, Bank Pertanian Malaysia pada tahun 1978-1980, dan kembalinya dari luar negara, beliau menjadi pensyarah di Kolej YPM, Kuantan dari tahun 1983-1991 dan seterusnya menjadi Pegawai Latihan di Permodalan Kelantan (1991-1993) dan Pegawai Latihan di PKINK (1994-1997). Pada tahun 1997, beliau menjadi Pengurus Hal-hwal Akademik Institut Teknologi Darulnaim.

Kerjaya politik Kak Ubai bermula apabila telah diberi kepercayaan menjadi Ahli Dewan Negara dari tahun 2003-2008. Pada tahun 2008, Kak Ubai telah mencatat sejarah apabila menjadi wanita Kelantan pertama yang mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan, di mana beliau diamanahkan untuk memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Kerajaan Negeri Kelantan dari tahun 2008-2013. Penggal berikutnya, Kak Ubai memegang jawatan Timbalan Exco Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (2013 -2018).



Beliau menyumbang kepakaran dan pengalaman sebagai pegawai yang membimbing wanita dari aspek motivasi, kepimpinan, kemahiran perakaunan dan membina jati diri.

Berikut merupakan jawatan yang pernah disandang oleh beliau selama bergiat dalam bidang politik termasuk pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

- Setiausaha JKMP Cawangan Permatang Badak, Kuantan
- Setiausaha Dewan Muslimat PAS Kawasan Pekan, Pahang (1986-1991)
- Ahli Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Negeri Kelantan (1999-2001)
- Ahli Jawatankuasa Penggubalan Modul HalWa
- Pengarah Amal Nisa' Negeri Kelantan
- Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri Kelantan (2001-sekarang)
- Ketua Dewan Muslimat PAS Pengkalan Chepa (2007-sekarang)
- Bendahari Dewan Muslimat PAS Pusat (2007-2011)
- Ahli Jawatankuasa PAS Pusat (2009-2011)
- Merupakan pengasas Koperasi Muslimat Negeri Kelantan (KOWANIS)
- Ahli Lembaga Pengarah Perdana Bowling
- Ahli Lembaga Pengarah Nutrifera
- Pengerusi Lembaga Pengarah Permodalan Kelantan Berhad
- Pengerusi Lembaga Pengarah STTC

Sumbangan beliau dalam kemasyarakatan telah melayakkan beliau menerima anugerah Pingat S.J.M.K. (Setia Jiwa Mahkota Kelantan) daripada DYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, pada tahun 2011. Selain itu, Kak Ubai juga adalah antara 7 orang wanita Kelantan yang menjadi ahli Pengakap Wanita Pertama Semenanjung 1970 dan telah dianugerahkan Pingat Jasa Pengakap. "Mudah Bbaso Sene Kkiro" adalah 'trademark' yang sememangnya sangat sinonim dengan Kak Ubai sehingga wanita yang sememangnya mesra dan murah dengan senyuman ini mudah didekati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Ketokohan beliau dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan mengingatkan kita kepada tokoh Ummul Masakin (ibu orang-orang miskin), Sayyidatina Zainab Khuzaimah. Semoga penerima anugerah Tokoh Zainab Khuzaimah ini akan terus menjadi contoh yang dapat diteladani oleh wanita zaman kini.





TOKOH

AL-KHANSA' AMRU
(KESENIAN)


**DATUK HAJAH
FARIDAH MAT SAMAN**

Datuk Hajah Faridah binti Mat Saman bukanlah suatu nama yang asing dalam Pertandingan Tilawah Al-Quran. Kehebatannya amat disegani dan beliau telah mengharumkan nama negara sekitar tahun 1970-an hingga awal 90-an apabila sering muncul sebagai johan Pertandingan Tilawah Al-Quran Antarabangsa.

Suaranya yang semerdu Al-Khansa Amru ditunggu-tunggu setiap kali pertandingan tilawah yang dianjurkan pada bulan Ramadhan. Beliau pernah menyertai pertandingan Tilawah Al-Quran sebanyak dua belas kali, dan kehebatannya memperdengarkan ayat suci Al-Quran memikat hati juri dan pendengar, sehingga beliau muncul satu-satunya qariah negara yang pernah menjadi johan tilawah antarabangsa dan juga kebangsaan sebanyak lapan kali, manakala yang selebihnya beliau mendapat tempat ke-dua.

Datuk Hajah Faridah mula menyertai pertandingan Tilawah Al-Quran pada usia 14 tahun dan terus melakar sejarah apabila muncul sebagai johan untuk peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa pada tahun 1964, 1965, 1972, 1976, 1977, 1989, 1990 dan 1991.


Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi, begitulah diibaratkan bakat yang ada pada Datuk Hajah Faridah. Ibunya, Che Yam Che Had dari Kubang Terap, Pasir Mas, Kelantan merupakan qariah Istana Kelantan dan pernah muncul johan tilawah al-Quran peringkat negeri. Ibunya telah meninggal dunia pada 2003 ketika berusia 95 tahun. Bakat dan kecenderungan beliau pada Al-Quran turut diwarisi dari ayahnya Mat Saman Abdul Rahman, yang merupakan seorang imam di Kampung Lubuk Kawah, Temerloh. Beliau turut mendapat bimbingan membaca al-Quran dengan tajwid yang betul daripada datuk sebelah ayahnya,



Abd. Rahman Che Man, seorang guru al-Quran dan pondok serta nenek sebelah ibunya Zainab Osman. Datuk dan neneknya terkenal sebagai guru Al Quran di kampungnya semenjak dari muda hingga ke akhir hayat. Pada usia 12 tahun, Datuk Hajah Faridah dihantar menyambung pengajian di sebuah pondok di Thailand selama tiga tahun dan dibimbing oleh seorang ustaz, Ghazali Mandaling berasal dari Indonesia. Beliau juga pernah berguru dengan beberapa guru agama antaranya, Ahmad Ma'sum Pergau, Nik Jaafar Nik Ismail dan Hassan Muda dari Pasir Mas untuk menguasai teknik taranum (bacaan berlagu).

Imam Al-Bukhari meriwayatkan dari Uthman bin Affan, Baginda Nabi S.A.W bersabda, "Sesungguhnya orang yang paling utama di antara kalian adalah yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya." Berpandukan hadith tersebut, Datuk Faridah juga menjadikan rutin sebagai guru Al-Quran sebagai keutamaan hidupnya sejak beliau berusia 25 tahun lagi. Beliau menyumbangkan tenaga dengan mengajar anak murid yang berusia 30 hingga 50 tahun yang mahu membetulkan bacaan Al-Quran terutamanya sebutan dan tajwid. Kini, jumlah murid beliau berjumlah ribuan orang dan berasal dari seluruh pelosok negara. Lebih membanggakan, ramai di antara anak muridnya juga kini merupakan guru Al-Quran dan sebahagian dari mereka turut menyertai pertandingan Tilawah Al-Quran sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Antara sumbangan beliau sepanjang menceburi bidang Al-Quran ialah beliau pernah menerima jemputan memperdengarkan bacaan al Quran kepada Mufti dari Palestin di negara berkenaan. Di samping itu beliau menubuhkan kumpulan nasyid yang bernama 'Usratul Faridah' yang terkenal di Malaysia, Thailand dan Singapura. Pada tahun 2016, sumbangan beliau diiktiraf apabila dianugerahkan darjah Panglima Setia Diraja (PSD) yang membawa gelaran Datuk, oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muad'zam Shah. Selain sibuk mengajar Al-Quran, penerima tokoh Al-Khansa Amru ini juga turut menceburi bidang perniagaan iaitu dengan mengendalikan urusan haji dan umrah melalui syarikat Tola Travel & Tours Sdn. Bhd bersama anak beliau. Semoga segala pencapaian yang telah beliau peroleh mampu menyuntik semangat kepada generasi muda terutamanya untuk turut mencintai AL-Quran.





TOKOH

**SITI AMINAH ABDUL
WAHAB
(ARMALAH)
USTAZAH MARIAM
OMAR**

Puan Hajah Mariam binti Omar atau lebih dikenali sebagai Ustazah Mariam dilahirkan pada 6 November 1948 di Kampung Demit, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Beliau berkongsi hidup bersama Encik Mohamad Lazim bin Haji Awang dan dikurniakan lima orang cahaya mata, iaitu empat orang perempuan dan seorang lelaki.

Ustazah Mariam mendapat pendidikan awal di Sek. Keb. Kubang Kerian pada tahun 1957 dan seterusnya ke Madrasah Ar-Rahmah Kenali pada tahun 1963-1967, dan meneruskan pengajian ke Sek. Men. Agama Arab Maahad Muhammadi (P) Jalan Merbau Kota Bharu dari tahun 1968-1970. Sesudah tamat pengajian di peringkat menengah, beliau menyambung pengajian ke Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri dari tahun 1971-1973. Bersemangat tinggi untuk menjadi wanita berilmu, Ustazah Mariam kemudiannya menyambung pengajian ke timur tengah di Universiti Al-Azhar dari tahun 1974-1976 dalam jurusan Syariat Syu'bah Fiqh dan Usul.

Sepulangannya dari Universiti Al-Azhar, beliau mula berkhidmat sebagai guru penolong di Sek. Men. Agama Arab Maahad Muhammadi (P) Jalan Merbau dari tahun 1976-1990. Pada tahun 1991, beliau dinaikkan pangkat sebagai Guru Penolong Kanan Pentadbiran di sekolah yang sama. Pada tahun 1999, Ustazah Mariam menjadi wanita Kelantan pertama dilantik sebagai Mudirah untuk sekolah di bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan (YIK), iaitu di Sek. Men. Agama Arab Maahad Muhammadi (Perempuan) Pasir Pekan sehingga bersara pada tahun 2004.



Walau bergelar seorang armalah, beliau tidak mengabaikan tanggungjawab dalam mendidik anak-anaknya. Kini keempat-empat anak perempuannya telah berjaya menamatkan pengajian di menara gading dalam pelbagai bidang, manakala anak lelaki beliau adalah insan istimewa kelainan upaya yang sekarang berusia 26 tahun. Bukan mudah untuk membesarkan kelima-lima anak seorang diri, tapi wanita ini berjiwa kental dan terus menjadikan ujian ini sebagai peneguh semangat.

Pada tahun 1996, beliau telah menerima anugerah bintang Ahli Kelantan oleh DYMM Sultan Ismail Petra, dan seterusnya jasa beliau sebagai pendidik terus diiktiraf apabila menerima anugerah Tokoh Pendidik YIK 2006, Tokoh Ilmuan Muslimat pada 2014 dan Tokoh Alumni Mahaad Muhammadi 2016.

Sungguhpun telah lama bersara sebagai guru, Ustazah Mariam masih meneruskan khidmat bakti sebagai muallimah pendidik anak bangsa. Beliau kini menjadi pendakwah bebas dan dalam masa yang sama adalah tenaga pengajar Halaqat DUN Kota Lama. Tidak mengenal erti penat walau usianya sudah menginjak senja, beliau masih aktif mengajar di Kuliah Fiqh Wanita di tiga parlimen, iaitu di Kuala Krai, Kota Bharu dan Kubang Kerian dua kali setiap bulan. Beliau juga memenuhi jemputan mengajar di masjid-masjid jika ada permintaan.

Mengajar di kelas-kelas pengajian masjid seakan sudah sebati dengan dirinya. Beliau telah mula mengajar walaupun sebelum menuntut ilmu di Mesir lagi. Kini walau sudah lebih 40 tahun mengajar, beliau tidak pernah mengenal erti jemu menabur ilmu bermanfaat untuk dijadikan bekalan akhirat nanti. Semoga ketokohan beliau dapat dijadikan inspirasi untuk generasi muda masa kini dalam mengharungi ujian hidup dan tidak menjadikan cabaran sebagai alasan untuk menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat.





TOKOH

**SAYYIDATINA AISYAH
ABU BAKAR
(PENDIDIKAN)
PROF. MADYA DR. NIK
ROSMAWATI NIK HUSAIN**


Profesor Madya Dr. Nik Rosmawati binti Nik Husain telah dilahirkan pada 27 April 1972. Berkongsi hidup dengan Encik Azmi bin Mat Nor, mereka telah dikurniakan tiga orang putera dan tiga orang puteri. Dr. Nik Rosmawati telah mendapat Ijazah Doktor Perubatan di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1997. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam Sarjana Perubatan Masyarakat dan seterusnya Doktor Falsafah dalam Mikrobiologi Makanan dan Pemakanan di universiti yang sama.

Dr. Nik Rosmawati telah memulakan kerjaya sebagai doktor pelatih dan pegawai perubatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu pada tahun 1997 dan seterusnya pegawai perubatan dan kesihatan di Klinik Kesihatan Sungai Pinang Tumpat, Kelantan pada tahun 1998. Beliau menjadi penolong pengarah Unit Kawalan TB/Kusta pada tahun 2005 dan selepas itu menjadi pensyarah perubatan di USM pada tahun 2008.

Sepanjang penglibatan beliau sebagai doktor perubatan, pelbagai anugerah dan pencapaian telah berjaya diperolehi. Antaranya adalah :

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (2007)
- *Best Poster Presentation In Clinical Science* (Tempat Ke-3) untuk pembentangan poster saintifik semasa *3rd National Conference on Medical Sciences* pada tahun 2008
- *Best Oral Presentation* untuk pembentangan Poster Saintifik semasa *16th National Conference on Medical And Health Science* (2011)
- Anugerah Khas PAPISMA atas kecemerlangan melibatkan diri dalam aktiviti PAPISMA Kelantan (2012)
- Supervisor Kumpulan Terbaik untuk program Kajian Kes Komuniti dan Keluarga di peringkat Pusat Pegajian Sains Perubatan, USM (2012).






Walaupun disibukkan dengan tugas sebagai seorang doktor, beliau tetap meluangkan masa untuk terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti pendidikan, kerohanian dan kemasyarakatan. Menyedari bahawa sistem tarbiah yang tersusun dapat mendidik jati diri muslim, doktor muslimah ini tidak mengabaikan aspek tarbiyah dalam kehidupannya. Beliau terlibat dengan aktiviti tarbiah pelajar universiti secara tidak formal sejak masih belajar hingga kini, dan menjadi naqib untuk pelajar siswazah, pasca siswazah dan kakitangan USM.

Dalam kesibukan sebagai isteri dan ibu kepada 6 orang anak yang masih kecil dan bersekolah, beliau amat aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam merancang, mencari dana dan mengetuai setiap aktiviti melibatkan peningkatan kualiti hidup masyarakat. Beliau aktif bergerak dalam Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) dalam aktiviti khidmat kesihatan, ceramah pendidikan kesihatan dan bantuan kemanusiaan. Selain itu, Dr. Nik Rosmawati turut menjadi penasihat dalam Kem Tahfiz Dan Fardhu Ain Remaja (ketfar) yang diadakan selama sebulan pada tahun 2013 dan 2014. Kem ini khusus untuk remaja mengisi masa ruang di waktu cuti sekolah. Tidak cukup dengan itu, beliau juga terlibat aktif sebagai AJK Persatuan Strok Negeri Kelantan (PESONA) dalam penubuhan awal persatuan dan menjalankan aktiviti rehabilitasi serta kemandirian untuk pesakit dan keluarga strok, melatih *trainer* untuk sukarelawan dalam masyarakat, dan penulis serta editor buku 'DIY Strok : Pengurusan Pesakit Strok Di Rumah'.

Seakan belum puas menabur bakti, Dr. Nik Rosmawati juga merupakan penasihat kepada Persatuan Mencegah Penyakit TB Negeri Kelantan. Beliau terlibat aktif dalam merangka, melaksanakan program dan memberi ceramah untuk masyarakat dalam mencegah dan mengesan awal penyakit TB. Walaupun sudah berjaya di dalam kerjaya sebagai seorang pensyarah dan doktor perubatan, namun beliau tetap meluangkan masa untuk menyertai pelbagai aktiviti khidmat kesihatan yang diadakan tanpa menghiraukan imbalan wang. Tidak kira masa dan di mana beliau diperlukan, beliau hadir memberi khidmat dan menjiwai setiap program yang disertai demi membangun sebuah masyarakat yang sihat dan berilmu.





TOKOH

ZINNIRAH AR-RUMIYAH
(OKU)


SITI HURAIZAH
RUSLAN

Siti Huraizah binti Ruslan adalah seorang gadis istimewa berasal dari Kelantan yang telah diputerikan pada 16 Oktober 1983. Sungguhpun dilahirkan dengan keadaan mata yang celik, pada usia tujuh tahun nikmat penglihatan beliau telah ditarik apabila disahkan menghidap penyakit trakoma, iaitu sejenis penyakit mata. Beliau pasrah dengan ketentuan Ilahi dan sentiasa tabah dalam menjalani kehidupan seperti biasa.

Keluarga beliau telah menghabiskan puluhan ribu ringgit bagi mengubati anak sulung dari empat beradik ini supaya matanya dapat melihat kembali namun gagal, dan menurut doktor yang merawatnya, trakoma bukan sejenis penyakit biasa yang dihadapi ramai. Siti Huraizah dihantar oleh keluarganya ke sebuah sekolah pendidikan khas di Johor untuk belajar berdikari dan supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran. Kecacatan ini bagaimanapun tidak menghalang beliau untuk melalui detik-detik berharga dalam kehidupan hingga berjaya bergelar graduan dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dan Artistik (Penulisan Seni Layar) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Paling membanggakan, apabila beliau adalah pelajar OKU penglihatan pertama yang mengambil jurusan perfileman.

Walaupun tidak dapat melihat seperti orang lain, gadis cecak ini tidak menjadikan ia sebagai alasan untuk berkhidmat menabur bakti kepada masyarakat. Beliau kini bertugas sebagai Eksekutif Kanan Aksesibiliti dan Advokasi di Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia. Antara tuntutan kerja beliau yang perlu dipenuhi adalah perlu berjumpa dengan ramai orang serta menyifatkannya sebagai satu latihan berterusan agar yakin terhadap diri sendiri. Selain itu, beliau juga banyak terlibat dengan audit akses bangunan-bangunan bagi kebolehaksesan individu cacat penglihatan yang





dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Pengangkutan, Rapid KL, dan Prasarana. Siti Huraizah juga merupakan instruktur *Asian Aviation of Excellent* (Akademi Air Asia) dan beliau turut terbabit dengan sesi latihan khas bersama pramugara dan pramugari Air Asia serta kakitangan lapangan terbang untuk mengajar mereka mengenai teori dan praktikal mengendalikan penumpang OKU penglihatan.

Siapa sangka, sungguhpun fizikalnya nampak lemah dan cacat penglihatan, Siti Huraizah aktif bersukan dan sering menyertai kegiatan lasak. Beliau bersama tujuh rakannya yang memiliki kecacatan serupa berjaya mendaki puncak tertinggi Semenanjung Malaysia dan nama mereka dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai Kumpulan OKU Penglihatan pertama mendaki Gunung Tahan. Beliau juga pandai berenang dan sering turut serta dalam kegiatan renang yang dianjurkan untuk insan kelainan upaya.

Selain itu, beliau memiliki bakat menulis skrip. Siti Huraizah pernah bekerja di Syarikat Makmur Megah Sdn Bhd yang banyak terlibat untuk rancangan di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Skrip drama yang pernah beliau hasilkan ialah *Kebaya Biru* pada 2008. Lebih mengagumkan, bakat beliau tidak berhenti di situ sahaja apabila turut mempunyai kebolehan dalam mengacarakan majlis. Beliau acapkali dipanggil menjadi pengacara majlis sama ada rasmi atau santai semenjak zaman persekolahan lagi. Unikinya, beliau menggunakan teks ucapan Braille semasa mengacarakan majlis tanpa rasa gentar mahupun salah tutur.

Siti Huraizah bergiat aktif dan komited dalam memberi kesedaran kepada pihak berkuasa tempatan, jabatan, kementerian kerajaan, agensi dan masyarakat tentang OKU penglihatan. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Pengangkutan dan juga Ahli Jawatankuasa Rekabentuk Sejahtera di bawah Majlis Kebangsaan OKU. Kecekalannya sebagai gadis buta persis Zinnirah Ar-Rumiyah sering dijadikan inspirasi apabila Siti Huraizah pernah dijemput beberapa kali dalam rancangan TV seperti *Raikan Wanita*, *Inspirasi Takwa Bersama Datuk Siti Nurhaliza*, dan *Celik Hati*. Diharapkan semoga kisah beliau yang tabah menghadapi ujian hidup dan mampu berdaya saing dengan orang yang celik penglihatan akan dijadikan contoh ikutan.



TOKOH

**KHAULAH AL-AZWAR
(SUKAN)**

**NUR SHUHaida
MAHIDIN**

Hasil perkahwinan antara Allahyarhamah Hasnah Mat Sin dengan Encik Mahidin bin Din, mereka telah dikurniakan seorang puteri yang diberi nama Nur Shuhaida binti Mahidin pada 25 Oktober 2002. Anak gadis ini telah dilahirkan di HUSM Kubang Kerian, Kelantan. Walaupun baru berusia 16 tahun, adik Nur Shuhaida telah maju mengorak langkah ke hadapan dalam mengharumkan nama negara di persada dunia.

Beliau menerima pendidikan awal di Sek Keb Mentuan, dan kemudiannya di Sek Men Agama (A) Al-Yunusiah dari tingkatan 1 hingga tingkatan 3. Sekarang, beliau menyambung tingkatan 4 di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa. Siapa sangka, anak gadis kelahiran Negeri Che Siti Wan Kembang ini mewarisi semangat serikandi yang mendalam di dalam dirinya. Walaupun masih berusia belasan tahun, gerak langkah beliau dalam menewaskan lawan dalam arena sukan taekwondo setangkas Khaulah Al-Azwar. Hampir kesemua acara yang disertai beliau beroleh pingat emas, sambil diselangi sekali-sekala warna perak dan gangsa.

Semenjak berusia 11 tahun lagi, adik Shuhaida telah mula belajar taekwondo dan kehebatannya terus terselah apabila dinobatkan sebagai atlet paling cemerlang selama 3 tahun berturut-turut. Malahan, cukup membanggakan apabila anak muda ini turut menempa nama bukan sahaja di peringkat kebangsaan, malah turut menonjol di peringkat dunia. Baru-baru ini beliau memperoleh pingat gangsa dalam pertandingan taekwondo bertaraf dunia iaitu ITF World Championship di Argentina. Berikut adalah pencapaian yang telah diraih oleh atlet muda ini :

2013

- *3rd High Kicks Taekwondo Championship*
-Individual Sparring : Gold
- *4th Kelantan Spt Invitation Taekwondo Championships*
-Individual Sparring : Gold
- *Song Ki Young Cup 2013*
-Individual Sparring : Bronze





- 4th UiTM Cawangan Kelantan Taekwondo Invitational Tournament
-Individual Sparring : Silver
- Kejohanan Taekwondo Milenium Club (MGTF)
-Individual Pattern : Silver
-Individual Sparring : Gold

2014

- Kejohanan Terbuka High Kicks Taekwondo Kali Ke-4 Negeri Kelantan
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Kejohanan Taekwondo Terbuka (MGTF) 1 Malaysia Langkawi
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Kejohanan Taekwondo Jemputan Sek. Men. Keb. Tok Janggut
-Individual Sparring : Gold
- 1st Asia Pacific Chift Taekwondo Championship
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Sungaikolok South Border Land Of Siam
-Individual Sparring : Silver
- Inter School Annual Championships & National Intivations (ISTAC)
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Kejohanan Terbuka Taekwondo Milenium Club (MGTF) Peringkat Negeri Kelantan
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Siaga Harimau 3rd Taekwondo Championship
-Individual Sparring : Silver

2015

- Kejohanan Taekwondo Terbuka Kuala Lumpur (Antara Sekolah Sekolah Jemputan Kebangsaan)
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Kejohanan Antara Sekolah Menengah Agama SeMalaysia (SMASTEC)
-Individual Pattern : Gold
- Stanic 2015
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Asia Open Championship 2015
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Silver
- Kejohanan Taekwondo MGTF Sekolah Sekolah Sarawak Ke-7 & Jemputan Borneo Ke-5





-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold

2016

- Putrajaya Taekwondo Challenge 2016
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- 1st Malaysia Best Of Taekwondo Fighter 2016
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- Kejohanan Taekwondo Terbuka MGTF 2016
-Individual Pattern : Silver
-Individual Sparring : Gold

2017

- Jemputan Taekwondo Peringkat Sekolah Kebangsaan Terbuka (MGTF) Sabah
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
-Team Sparring : Silver
- Kejohanan High Kicks Taekwondo & Jemputan Kebangsaan 2017 Kali Pertama
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
- 5th Putrajaya Taekwondo Challenge 2017
-Individual Pattern : Gold
-Individual Sparring : Gold
-Team Pattern : Silver
-Team Sparring : Gold
- International Asia Taekwondo Championship 2017
-Individual Pattern : Gold
-Team Sparring : Gold
-Team Pattern : Silver

2018

- Kejohanan Taekwondo Melaka (MGTF) Jemputan Kebangsaan 2018
-Individual Sparring : Bronze
- ITF World Championship Argentina 2018
-Individual Sparring : Bronze

Melihatkan pencapaian beliau yang cemerlang saban tahun, tidak hairanlah beliau dianugerahkan tokoh Khaulah Al-Azwar. Semoga dengan penganugerahan tokoh pada gadis muda ini, semangat serikandi akan terus membara dan menjadi dorongan untuk meneruskan langkahnya dalam arena sukan taekwondo sekaligus mengharumkan nama negara dan agama.



**Ikou Wanita
Kelantan 2018**





IKON MASYARAKAT

**DR. WAN MARTINA
WAN YUSOFF**

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kolam Bachok Kelantan dan Sekolah Menengah Pak Badol Bachok dan kemudian berpindah ke Sekolah Menengah Melor Kota Bharu, Kelantan. Beliau seterusnya menyambung pengajian ke peringkat asasi sains di Universiti Malaya dan meneruskan pengajian dalam bidang perubatan di universiti yang sama. Ayah beliau merupakan pesara guru dan ibunya seorang suri rumah dan telah meninggal dunia. Beliau mempunyai 9 orang adik beradik.

Dr. Wan Martina telah bertemu jodoh dengan Zaira Azlan bin Zainudin yang kini merupakan pengurus Klinik Perdana Ikhlas dan Ikhlaicare Complementary Centre. Hasil perkahwinan beliau dengan suami, mereka dikurniakan lima orang cahaya mata, Dr Mujahid Dinullah, bertugas sebagai HO di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Mujahidah, yang kini sedang menyambung pengajian Master dalam bidang kejuruteraan mekanikal, Muslim, sedang menyambung pelajaran dalam bidang psikologi Islam di Open University Malaysia (OUM), Muslimah, merupakan mahasiswi tamhidi perubatan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Mukminah yang berusia 12 tahun dan merupakan pelajar di Sekolah Sri Al-Hikmah.

Dr. Wan Martina banyak menyertai aktiviti kemanusiaan seperti menjadi aktivis Banjir Kuning pada tahun 2014 di mana beliau menawarkan khidmat kesihatan kepada mangsa banjir. Beliau juga menyampaikan bantuan asas makanan bersama PAPISMA dan beberapa NGO lain sekitar tahun 2014-2015.



Dr Wan Martina juga terlibat dalam penyampaian bantuan persekolahan seperti uniform dan beg sekolah bersama PAPISMA dan MUSMED dan telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM60,000 pada tahun 2016. Di bawah PAPISMA juga, beliau telah membina rumah kekal kepada mangsa-mangsa banjir. Selain itu, beliau juga terlibat dalam aktiviti Dakwah Orang Asli bersama NGO Misi Kembara Dakwah yang mempunyai lebih 50 program dari tahun 2015 sehingga 2018.

Antara aktiviti yang diadakan adalah khidmat kesihatan, penyampaian sumbangan muafak orang asli dan asnaf, Street Dakwah, Dakwah Anak Muda, membaikpulih rumah dengan kerjasama PKINK, membantu golongan asnaf OKU dan Armalah, aktiviti Foodcupboard for Asnaf, Rumah Barokah (rumah perlindungan sementara) dan banyak lagi. Di peringkat negara, beliau pernah terlibat dalam menyampaikan bantuan bersama beberapa NGO di Balukhali Coxbazar, Rohingya dalam Misi Rohingya. Dr Wan Martina juga merupakan penulis bersama buku 'Assalamualaikum Rohingya' dan hasil jualan buku tersebut disalurkan sepenuhnya kepada tabung pendidikan anak-anak Rohingya.

Dr. Wan Martina pernah bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Alor Setar, Kedah dan Hospital Seberang Jaya Pulau Pinang. Pada tahun 1996, beliau bertugas sebagai pegawai perubatan di Poliklinik Ikhsan dan pada masa yang sama, beliau melakukan 'freelance' sebagai doktor anesthesiologi di beberapa hospital swasta sekitar Pulau Pinang sebelum menjadi penasihat perubatan swasta Klinik Perdana Ikhlas Jelawat Bachok pada tahun 1998. Dr. Wan Martina merupakan penasihat OKU Kelantan (MPON) dan ahli jawatkuasa Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) Bachok. Turut bergiat aktif dalam persatuan bukan kerajaan, beliau memegang jawatan sebagai Naib Pengerusi 2 Konfederasi NGO Kelantan, Timbalan Pengerusi Misi Kembara Dakwah, Timbalan Pengerusi Persatuan Wanita Kelantan dan Pengerusi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) Dun Jelawat. Beliau juga aktif dalam politik dan beliau merupakan Ahli Majlis Daerah Bachok (2001-2010), Ahli Lembaga Pengarah PMBK AzZahab (2016) dan ALK Kowanis sekitar tahun 2015-2016.





IKON


KHAS
(BERANI KERANA BENAR)

**DR. ILYANI
MOHAMED NAWAWI**

Dr. Nur Ilyani binti Mohamed Nawawi merupakan anak ke-2 dari 3 orang beradik dan berasal dari Tendong, Pasir Mas. Beliau telah mendapat pendidikan awal di PASTI Al-Ain Bechah Tendong, Pasir Mas, kemudian ke Sekolah Rendah Kebangsaan Othman Talib (1), dan merupakan pelajar terbaik UPSR (5A). Seterusnya beliau menyambung pengajian ke SMU(A) Maahad Muhammadi (P) Pasir Pekan dan telah dianugerahkan sebagai pelajar terbaik Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU) 10A, dan Penilaian Menengah Rendah (PMR 9A). Dengan berbekalkan keputusan yang cemerlang dalam PMR, beliau telah berjaya untuk ke sekolah SMU (A) Maahad Muhammadi Perempuan Kota Bharu dalam aliran Sains. Di sana, beliau telah berjaya menjadi salah seorang pelajar terbaik SPM dengan mendapat gred A dalam kesemua sebelas matapelajaran.

Dr. Nur Ilyani ke Darul Quran untuk Persijilan Tahfiz Darul Qur'an JAKIM-UIAM 2005/2006 dan telah berjaya mengkhatamkan hafazan Al-Quran dalam tempoh setahun setengah. seterusnya ke peringkat tertinggi di UIAM Kampus Kuantan dalam bidang Ijazah Perubatan & Pembedahan. Doktor muda ini kini bertugas di Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Hospital Raja Perempuan Zainab II dan bercita-cita menyambung pelajaran dalam bidang kepakaran Psikiatri Kanak-kanak. Beliau merupakan ahli Persatuan Perubatan Ibnu Sina (PAPISMA) dan merupakan salah seorang tokoh dalam memperkenalkan seluar bersalin patuh syariah (Mamapride). Beliau telah mewakili PAPISMA bersama delegasi Kerajaan






Negeri Kelantan ke Persidangan Wanita al-Aqsa Sedunia Kali ke-2 di Istanbul , Turki pada tahun 2015. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Ahmad Fakhurrazi bin Yahaya dan dikurniakan dua orang cahaya mata. Sebagai ibu yang cakna terhadap suasana masyarakat yang akan membentuk persekitaran anak-anak, ianya telah mendorong beliau untuk memuat naik status di Facebook bertajuk ‘Surat Terbuka buat Marina Mahathir.’ Tangan yang menggoncang buaian bisa menggegarkan dunia, siapa sangka tulisan terbuka beliau kepada Puan Marina binti Mahathir yang ditulis sewaktu mengasuh anaknya telah menjadi tular sekelip mata di media sosial, mengakibatkan artikel itu telah dipadam oleh Facebook tidak berapa lama selepas dimuat naik atas aduan yang dibuat oleh pihak tertentu.

Ini menyebabkan bukan sedikit pengguna berkongsi semula artikel yang telah dipadam tersebut. Ramai yang bangkit untuk mempertahankan beliau. Artikel tersebut menjelaskan berkaitan kekusaran beliau selaku seorang warga Islam Malaysia akibat dari kemunculan kelompok LGBT yang semakin berleluasa atas nama hak asasi manusia. Dalam tempoh tersebut, wajah beliau telah muncul di beberapa dada akhbar di Malaysia. Akibatnya beliau telah mendapat tekanan dari pihak tertentu dan satu aduan telah dibuat ke Biro Pengaduan Awam yang boleh memungkinkan beliau untuk dikenakan tindakan tatatertib sebagai penjawat awam. Namun pada masa yang sama, satu petisyen telah diwujudkan untuk menyatakan solidariti kepada beliau yang mana telah mendapat 70000 lebih undi.

Berkatalah benar, walaupun pahit. Ketegasan beliau dalam menyatakan pendirian membantah cara hidup yang sangat bercanggah dengan ajaran Islam ini, harus dipuji dan dijadikan suri ikutan buat para wanita di luar sana. Lanya lahir dari rasa kebertanggungjawaban sebagai seorang ibu yang khuatir akan suasana masyarakat yang akan melingkari anak-anaknya kelak. Juga naluri yang lahir dari sebagai individu muslim yang mengaku bahawa Islam sebagai satu cara hidup.





IKON PENDIDIKAN

DR. SITI KHAYRIYYAH MOHD HANAFIAH

Baru-baru ini nama Dr. Siti Khayriyyah Mohd Hanafiah menjadi bualan ramai apabila saintis muda ini mengharumkan nama Malaysia di Persada Antarabangsa apabila dinobatkan sebagai Komunikator Sains Terbaik Dunia. Saintis muda yang juga adalah Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat, Universiti Sains Malaysia (USM) ini telah menjadi Juara di pertandingan FameLab International 2018 dan menewaskan 11 finalis dari seluruh dunia. Pertandingan yang berlangsung di United Kingdom ini menghimpunkan finalis yang datang daripada pelbagai negara seperti Australia, Itali, Ireland, Qatar, Korea dan Portugal. Beliau berjaya menawan hati panel juri dan memukau beratus-ratus penonton di The Arena, Cheltenham melalui pembentangan beliau berkenaan penggunaan pasangan antibodi-antigen untuk diagnosis penyakit tibi.

Anak sulung dari lima beradik ini telah mendapat pendidikan di Maktab Rendah Sains Mara, Pengkalan Chepa, Kelantan dan meraih 11A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Dr. Siti Khayriyyah seterusnya meneruskan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Sains Bioperubatan dan berjaya bergraduat dengan nilai purata nilai gred keseluruhan (PNGK) 3.8/4.0. Beliau menyambung pengajian peringkat sarjana di *Johns Hopkins Bloomberg School of Public Health* dan terus melakar kecemerlangan dengan mendapat PNGK 3.81/4.0 dalam *Master of Science in Public Health*. Kemudian, saintis berjiwa besar ini berjaya mendapatkan gelaran Doktor Falsafah di *Monash University/ Macfarlane Burnet Institute*.



Sepanjang pengajian dan kerjaya beliau, berikut adalah pencapaian yang berjaya beliau catatkan:

- *FameLab 2018, International Final (Science Communication), Winner*
- *FameLab Malaysia 2018, National Final (Science Communication), Winner*
- *FameLab Malaysia 2018, Central Region Heat (Science Communication), Winner*
- *MDBD 2017, Penang 3-4 May 2017 (Oral presentation)*
- *International Conference on Infection and Immunity 2017, Kota Bharu 5-6 April 2017 (Oral presentation)*
- *Highly Commended Oral Presenter Award, ASMR Vic Student Symposium 2014*
- *Gilead Young Investigator Travel Award for 15th ISVHLD, Berlin 2015*
- *Postgraduate Travel Grant Award 2015*
- *Monash Postgraduate Publication Awards 2015*
- *Delta Omega Alpha Chapter (public health honor society inducting graduates having GPA in the top 25% of the graduating class with faculty nomination)*

Sebagai seorang saintis, beliau juga berjaya mempatenkan penemuan berikut:

- *Anderson DAA, Garcia ML, Barnes NC, Mohd Hanafiah K, Landay AL. Diagnostic, prognostic, therapeutic and screening protocols. International Patent Application No. PCT/AU2013/001290 (Mycobacterium)*
- *Anderson DAA, Garcia ML, Barnes NC, Mohd Hanafiah K, Landay AL. Diagnostic, prognostic, therapeutic and screening protocols. International Patent Application No. PCT/AU2013/001291 (dimeric IgA)*

Negeri Kelantan amat berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh Dr. Siti Khayriyyah dalam bidang yang diceburi. Ini membuktikan bahawa wanita Kelantan mampu terkehadapan dan sentiasa berdaya saing dalam semua sektor terutamanya dalam bidang pendidikan. Semoga kejayaan yang dicapai mampu memberi inspirasi kepada seluruh wanita di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya untuk lebih berdaya maju sekaligus mengangkat martabat wanita Malaysia sebaris dengan negara maju yang lain.





IKON KESENIAN

SITI NUR ZAFRAN ZAINAL ABIDIN

Siti Nur Zafran binti Zainal Abidin adalah anak kelahiran Kelantan yang kini menabur bakti sebagai pendidik di SMK Kota Gelanggi 2, Jerantut, Pahang. Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur ini menyambung pelajaran dalam Diploma Pendidikan dalam pengkhususan Teknologi Maklumat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.

Bakat seni beliau di dalam mendeklamasikan puisi telah menyerlah semenjak dulu lagi apabila beliau telah berjaya meraih pencapaian berikut:

- Johan Sayembara Deklamasi Kemerdekaan peringkat Kebangsaan (2018)
- 7 kali Johan dalam Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan peringkat Negeri Kelantan (2002, 2008, 2009, 2010, 2012, 2014 dan 2016)
- Juara Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Bahasa Kebangsaan (2005, 2008, 2011, 2013 dan 2014)
- Tokoh Anak Muda Negeri Kelantan oleh Kerajaan Negeri Kelantan (2012)
- Tempat ke-3 dalam Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan (2008)
- Juara Deklamasi Puisi Piala Rahman Shaari (2007)
- Juara Deklamasi Puisi Merdeka Festive (2006)
- Juara Sayembara Deklamasi Puisi Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni (2005)
- Juara Sayembara Deklamasi Puisi MRSM SeMalaysia (2000, 2001 dan 2002)



Karya puisi beliau telah disiarkan dalam Minggu Malaysia, Jendela Timur dan Buletin GEMAdotcom. Puisi beliau berjudul Kebangkitan Di Fajar Kizib yang tersiar di Minggu Malaysia menjadi pendorong kepada beliau untuk terus berjinak-jinak dalam penulisan puisi moden. Antara puisi lain yang pernah tersiar di Minggu Malaysia ialah Selamanya Kau Adalah Cikgu dan Syukur di Aidilfitri. Puisi beliau yang berjudul Kembalikan Leluhur Negeri Cik Siti Wan Kembang telah dimuatkan dalam Antologi Puisi dan Cerpen Bah Kuning terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu beberapa puisi beliau antaranya Sajak Buat Tuan juga telah dimuatkan dalam Antologi Puisi Bahtera Peradaban terbitan Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN). Beliau juga mula berjinak-jinak dalam penulisan puisi tradisional iaitu sebagai penulis syair. Beliau telah dilantik sebagai penulis Syair Adat Istiadat Melayu Kelantan yang dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur.

Beliau juga telah diundang mendeklamasi puisi dalam pelbagai acara oleh GAPENA, DBP, JKKN, Universiti Malaya, GEMA dan JPN antaranya acara Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur, Puisi Ambang Merdeka, Puisi Kurnia Di Raja, Puisi Hari Keputeraan Tuanku Al Sultan Kelantan, Hari Kemerdekaan, Le Tour Di Langkawi dan lain-lain.

Beliau juga turut menjadi penulis wanita Kelantan yang menyumbang buku dan karya beliau untuk disimpan di Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa Kelantan. Justeru itu dengan bakat dan sumbangan beliau yang besar dalam mengharumkan nama Kelantan hingga ke peringkat kebangsaan, wajarlah beliau dijadikan ikon seni untuk dijadikan contoh ikutan anak muda masa kini.





IKON

USAHAWAN


**NINI NISRIN
MUHAMMAD**

Ikon Usahawan pada tahun ini telah dinobatkan kepada Nini Nisrin binti Muhammad yang berasal dari Wakaf Bharu, Kelantan. Beliau merupakan salah seorang usahawan Kelantan yang berjaya. Beliau telah berkahwin dan telah dikurniakan 3 orang cahaya mata.

Beliau telah mendapat pendidikan menengah di sekolah SMU (A) Maahad Muhammadi (P) Pasir Pekan dan melanjutkan pelajaran ke peringkat Matrikulasi Pahang pada tahun 2004/2005 dan ke peringkat ijazah *Degree in Business /Islamic Banking* UiTM, Shah Alam pada tahun 2006-2008. Pada tahun 2009-2010 pula beliau mula bekerja di HUSM Kubang Kerian sebagai Pembantu Penyelidik Jabatan Perubatan Keluarga dan pada tahun 2011 Pembantu Penyelidik UiTM Arau. Setelah itu, beliau mengambil keputusan untuk bekerja sendiri dari rumah.

Sejarah perniagaan beliau bermula pada tahun 2012 apabila beliau memulakan perniagaan atas talian (*online*) dengan modal permulaan RM0, dan berpusat di rumah sambil menjaga anak sendiri. Ketika itu, beliau hanya merancang untuk mendapatkan pendapatan tambahan bagi menampung hidup keluarga sahaja. Namun tahun demi tahun, perniagaan beliau terus meningkat maju. Sebagai seorang usahawan yang menjual produk kesihatan berkualiti tinggi menjangkau 100 tahun usianya, beliau yakin dengan mencebur perniagaan ini dapat melonjakkan lagi perniagaan dan membantu ramai orang untuk sihat serta menjana kewangan yang lebih baik.






Bermula seorang diri, kini beliau telah mendapat lebih seribu orang yang mahu sama mendapat manfaat kesihatan yang baik hasil daripada perkongsian tentang keperluan produk kesihatan ini. Sehingga sekarang, beliau telah mencapai pendapatan bersih sehingga 5 angka ke atas sebulan selama 5 tahun dalam perniagaan. Jumlah jualan beliau selama 5 tahun menjalankan perniagaan ini telah mencapai lebih dari RM 10 Juta. Orang ramai merasai keperluan untuk mencari produk yang berkualiti.

Selain itu, ikon usahawan ini juga telah berjaya membantu lebih dari 400 orang wanita di kalangan surirumah, pelajar, penganggur, dan orang yang mahu mendapat pendapatan yang pelbagai angka. Di bawah bimbingan beliau, ada surirumah yang telah mendapat pendapatan sebanyak RM10,000 sebulan dan lebih dari 30 orang yang sudah mendapat pendapatan 4 angka hanya dengan perniagaan atas talian. Malahan ramai di antara surirumah ini yang mampu membeli rumah dan kereta atas nama mereka sendiri disebabkan perniagaan yang mereka jalankan ini. Seliain itu, beliau juga telah berjaya membentuk syarikat sendirian berhad atas nama Bijaksihat Sdn Bhd sekali gus dapat membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Beliau juga telah mendapat anugerah tertinggi dalam syarikat Shaklee. Beliau berjaya mencapai *Master* dalam masa 18 bulan dan mendapat anugerah daripada syarikat untuk menjelajah negara lain secara percuma, termasuk mengerjakan Umrah.

Sehingga sekarang, beliau giat mencari lebih ramai orang yang mahu memulakan perniagaan dengan modal yang rendah sama ada RM0 ataupun RM65 sahaja. Impian beliau, agar mahu menjadi usahawan yang boleh membentuk orang lain untuk menjadi orang yang lebih berjaya dari dirinya. Bukan sekadar mahu menjual produk kesihatan, tetapi juga mencipta peluang kerjaya yang prihatin dengan keperluan modal. Justeru itu wajarlah beliau dijadikan ikon usahawan kepada kita agar menjadi contoh untuk kita mengorak langkah ke arah kejayaan seperti beliau.





IKON

CAKNA KEBAJIKAN NOOR HASEKEN P.RAMLEE

Pada tanggal 19 Januari 1979, seorang bayi perempuan yang diberi nama Noor Haseken telah dilahirkan dalam keluarga besar P.Rameli. Beliau merupakan anak ke lima dari dua belas adik-beradik. Wanita yang berumur 39 tahun ini sudah lama berkhidmat sebagai jurubahasa isyarat dan pentadbiran di Persatuan Orang Pekak Kelantan dan juga merupakan pakar koordinator jurubahasa isyarat di zon pantai timur. Bertemu jodoh dengan Encik Razani Ramli yang merupakan OKU pendengaran, menjadikan Noor Haseken semakin mahir menggunakan bahasa isyarat. Hasil perkongsian hidup bersama, pasangan ini dikurniakan tiga orang cahaya mata.

Noor Haseken mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Langgar. Beliau meneruskan pengajiannya di peringkat menengah di Sekolah Menengah Ugama (A) Maahad Pengajian Islam. Selesai pengajian di peringkat menengah, beliau menyambung pendidikannya di peringkat yang lebih tinggi iaitu Diploma Sains Komputer dan Teknologi Maklumat di Institut Darul Naim dan seterusnya mengambil diploma dalam bidang jurubahasa isyarat di Twintech Technology. Noor Haseken menjadi penterjemah sepenuhnya kepada orang pekak di setiap kali acara dan program yang melibatkan mereka. Beliau aktif dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan sering terlibat dalam program yang melibatkan insan kelainan upaya. Malahan acapkali beliau ke sana ke mari mencari penaja dan sumbangan untuk menjayakan program-program kebajikan. Beliau juga sering mengadakan lawatan ke rumah OKU dan turut diberi kepercayaan untuk memegang amanah sebagai Setiausaha Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia.



Noor Haseken juga sering dipanggil jabatan kerajaan seperti mahkamah dan polis untuk berkhidmat sebagai jurubahasa untuk berkomunikasi dengan OKU bisu dan cacat pendengaran. Selain itu, beliau selalu menjadi fasilitator kelas bahasa isyarat kepada badan kerajaan, swasta dan juga individu. Jasa dan sumbangan beliau dalam aktiviti kebajikan dan membantu insan-insan kelainan upaya amat wajar dijadikan ikutan.





IKON DAKWAH

NURUL NABIHAH AHMAD BASRI

Nurul Nabihah binti Ahmad Basri telah dilahirkan pada tanggal 27 Oktober 1995 di Kota Bharu, Kelantan dan merupakan anak ketiga daripada tujuh adik-beradik. Beliau memulakan pengajian awal di sekolah Kebangsaan Kota dan kemudiannya meneruskan pengajian ke Sekolah Menengah Ugama (A) Maahad Muhammadi Perempuan di Kota Bharu (2008-2012). Seterusnya, beliau menyambung pengajian ke Kolej MARA Kuala Nerang, Kedah dalam bidang perakaunan. Pada tahun 2014 hingga 2017 beliau meneruskan pengajian di peringkat Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Antara pencapaian yang diperoleh oleh beliau adalah menjadi johan dalam Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Masjid Daerah Kota Bharu pada tahun 2010, Johan dalam sukan ping-pong Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan (MASSAK), dan Anugerah Tokoh Akhlak Terpuji Kategori Perempuan Peringkat Matrikulasi (2013/2014).

